



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA : 21 MAC 2017

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO.6, NO.9 HINGGA NO. 68)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.03.2017

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan berkaitan rancangan dan pelaksanaan pencaruman yang dicadangkan di mana penjawat awam mencarum ke dalam Kumpulan Wang Persaraan KWAP sehingga bersara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan skim pencen caruman bagi kakitangan penjawat awam. Melalui skim sedia ada untuk penjawat awam, mereka diberi pilihan untuk memilih skim pencen atau pun mencarum di dalam

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) setelah tempoh pengesahan jawatan (3 tahun).

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah **JAKIM** akan mempertimbangkan khidmat konsultasi percuma kepada perusahaan kecil dan sederhana pelbagai bangsa mengenai permohonan status halal restoran agar mereka dapat memperluaskan pasaran mereka kepada peniagaan halal tanpa bergantung kepada konsultan orang tengah untuk permohonan.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fokus utama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (**JAKIM**) adalah menjalankan pensijilan halal. Walau bagaimanapun, **JAKIM** bersama agensi pembimbing seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (**FAMA**), Institut Penyelidikan dan

Kemajuan Pertanian (MARDI), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Sekretariat Pembangunan Usahawan Malaysia (SAME) yang memberi tumpuan kepada usahawan-usahawan Cina, Sekretariat Khas Untuk Memperkasa Usahawan India (SEED) dan lain-lain sering memberi bimbingan kepada pengusaha perusahaan kecil dan sederhana dari pelbagai bangsa tanpa mengenakan sebarang bayaran bagi memastikan keperluan pensijilan halal Malaysia dipenuhi.

Sehubungan itu, JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sentiasa memberi ruang kepada industri yang memerlukan khidmat nasihat dan konsultasi secara percuma dalam urusan dan perkhidmatan permohonan Pensijilan Halal Malaysia. Pihak industri hanya perlu berhubung terus dengan pihak JAKIM dan JAIN bagi mendapatkan perkhidmatan ini. Ianya bertujuan supaya pemohon sendiri memahami segala syarat, keperluan, peraturan dan prosedur pensijilan halal sebelum membuat permohonan dan seterusnya lebih bertanggungjawab terhadap pematuhan sistem kawalan halal dalam syarikat pemohon.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF

TARIKH : 21.03.2017

SOALAN : NO. 10

DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan pelajar-pelajar yang layak ke universiti awam dapat melanjutkan pelajaran mereka ke universiti berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan pelajar baharu ke Universiti Awam (UA) adalah mengguna pakai prinsip meritokrasi iaitu 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum. Terdapat beberapa bidang yang memerlukan calon melalui proses temuduga antaranya bidang perubatan, pendidikan, farmasi, kimia bakat dan sukan.

Semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tidak dinafikan peluang untuk mengikuti pengajian di UA. Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian serta memenuhi kriteria kemasukan yang telah ditetapkan oleh Senat Universiti. Kejayaan calon untuk memperoleh tempat bergantung kepada susunan merit dan pemilihan program pengajian di UA yang dipohon serta bilangan tempat yang disediakan oleh UA.

Dalam usaha memastikan calon yang berkelayakan mendapat tawaran, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya:

- (a) menetapkan mekanisma pengambilan kemasukan pelajar secara *centralized* di portal “*ONE STOP CENTRE UPUOnline*”;
- (b) menganjurkan Karnival Pendidikan Tinggi Negara bagi menyebarkan maklumat berkaitan peluang pendidikan tinggi kepada golongan sasar. Karnival ini berlangsung dalam tempoh permohonan *UPUOnline* mulai 6 Februari 2017 hingga 5 April 2017;
- (c) menjalankan Program Jelajah *UPU- Outreach* KPT di kawasan pedalaman yang sukar mendapat akses maklumat berhubung peluang pendidikan tinggi. Program ini dilaksanakan secara kerjasama dengan agensi Kerajaan lain antaranya Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Sumber Manusia; dan
- (d) Mengadakan kaunter rundingcara UPU di KPT mulai Mac hingga September 2017.

SOALAN NO: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD [LIPIS]
TARIKH : 21 MAC 2017
SOALAN :

YB Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rasional pihak kerajaan meningkatkan caj rawatan pesakit di Klinik Pergigian Kerajaan yang mana kita sedia maklum pesakit Hospital Kerajaan ini terdiri daripada golongan yang kurang berkemampuan.

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti yang sedia maklum, kos sebenar rawatan pergigian yang merangkumi kos bahan, kos peralatan, kos perkhidmatan sokongan serta emolumen telah semakin meningkat. Banyak prosedur pergigian biasa di klinik primer dan prosedur baharu serta kompleks di bawah bidang kepakaran yang tidak disenaraikan sebelum ini telah dibekalkan secara percuma di mana kos sebenarnya menelan belanja yang tinggi kerana kebanyakannya memerlukan peralatan atau bahan pergigian yang canggih dan diimport.

Justeru, pengemaskinian prosedur dan caj rawatan pergigian merupakan salah satu daripada beberapa bahagian dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 yang telah dikaji semula. Ia telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 September 2016.

Caj bagi rawatan pergigian (Jadual F) dalam Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 adalah menunjukkan kos rawatan asas semasa (bersubsidi) bagi rawatan pergigian di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Semakan caj pergigian ini adalah hanya melibatkan pengurangan subsidi bagi pesakit **Kelas 1 dan Kelas 2** manakala caj rawatan pergigian sedia ada bagi pesakit **kelas 3** (pesakit dalam) adalah **dikekalkan**.

Walaupun sememangnya terdapat keperluan kenaikan caj bagi prosedur rawatan sedia ada, Kerajaan terus komited memberikan subsidi yang tinggi bagi rakyat termasuk rawatan pesakit luar. Justeru caj rawatan pergigian sedia ada bagi **pesakit luar adalah kekal** misalnya pesakit luar hanya perlu membayar sekadar RM2 untuk penskaleran dan penggilapan gigi (scaling/cuci gigi), RM2 untuk tampalan gigi dan RM1 untuk cabutan gigi.

Pengecualian bayaran bagi golongan tertentu termasuk **mereka yang kurang berkemampuan** juga adalah dikekalkan seperti sedia ada mengikut tatacara yang telah digariskan. Ini menunjukkan Kerajaan sememangnya terus komited untuk memberikan perkhidmatan dan rawatan kesihatan berkualiti tinggi pada kadar yang berpatutan kepada semua Rakyat Malaysia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 21.3.2017

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) status terkini mengenai pembinaan semula bangunan SJK (T) Desa Cempaka, Nilai yang terbakar pada tahun 2016 ; dan
- (b) adakah Kementerian Pendidikan Malaysia akan menanggung semua kos untuk membina semula sekolah tersebut dan bila ia akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Jawapan (a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima permohonan peruntukan daripada Lembaga Pengurusan Sekolah SJKT Desa Cempaka, Nilai untuk membaik pulih bangunan yang terlibat dengan kebakaran berjumlah RM280,000.00 yang kerugiannya telah dinilai oleh Jabatan Kerja Raya. Peruntukan tersebut telah diluluskan melalui permohonan Notis Perubahan pada bulan Jun 2016 oleh Unit Perancang Ekonomi.

Walau bagaimanapun, pihak sekolah telah memohon perubahan skop daripada kerja-kerja membaik pulih bangunan terbakar berjumlah RM280,000 kepada menampung sebahagian kos bagi kerja-kerja pembinaan bangunan gantian tanpa penambahan peruntukan daripada KPM. Permohonan tersebut diluluskan dengan syarat pembinaan projek mendapat kelulusan Jawatan Kuasa Khas KPM.

RJM58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]
TARIKH : 21 MAC 2016
SOALAN :

YB Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah proaktif Kementerian bagi mengawal peningkatan permasalahan mental dalam kalangan masyarakat Malaysia terutamanya golongan yang berumur diantara 16 hingga 19 tahun dan yang berpendapatan rendah

Tuan Yang Di Pertua,

Mengikut Kajian *National Health and Morbidity Survey* (NHMS) yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada 2015 prevalen masalah kesihatan mental dalam kalangan orang dewasa berumur 16 keatas adalah 29.2%. Walau bagaimana pun peratus ini merujuk kepada mereka yang mengalami masalah kesihatan mental dan *BUKAN* penyakit mental

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara berterusan memberi perkhidmatan saringan, pencegahan dan rawatan kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira kategori pendapatan.

Antara langkah-langkah proaktif yang diambil oleh KKM bagi menangani permasalahan kesihatan mental di kalangan remaja terutamanya yang berumur diantara 16 sehingga 19 tahun adalah seperti berikut;

a) Promosi Kesihatan Mental dan Advokasi

Kementerian Kesihatan melalau program kesihatan mental telah melaksanakan beberapa akitviti bagi meningkatkan kesedaran awam melalui sambutan hari kesihatan mental sedunia semenjak tahun 2004. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah memberi kemahiran kepada komuniti menangani stress, forum awam, seminar, ceramah di media masa, penulisan artikel dimedia cetak.

b) Kementerian juga telah menerbitkan bahan-bahan pendidikan kesihatan/IEC (Information, Education dan Communication) dalam bentuk risalah dan poster berkaitan kesihatan mental, penyakit mental bagi memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang penjagaan kesihatan mental dan pencegahan penyakit mental.

c) Kementerian juga mewujudkan satu laman web portal kesihatan semenjak tahun 2006 dimana masyarakat boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang kesihatan mental , tanda-tanda awal penyakit mental dengan melayari laman sesawang kementerian www.moh.gov.my atau www.myhealth.gov.my

d) Program Minda sihat sekolah bagi pelajar tingkatan 4 dikendalikan dengan menjalankan saringan DASS untuk mengetahui status kesihatan mental di kalangan murid sekolah menengah bagi mengenalpasti tahap stress, keresahan dan kemurungan. Jika di dapati tahap stress, keresahan dan kemurungan adalah berlebihan murid berkenaan akan dirujuk untuk perkhidmatan kaunseling atau ke klinik kesihatan untuk rawatan lanjut oleh pakar kesihatan keluarga atau pegawai perubatan.

e) KKM menyediakan perkhidmatan psikiatri, empat (4) buah institusi mental dan 42 hospital kerajaan di seluruh Malaysia. Di peringkat kesihatan primer juga sebanyak 671 klinik kesihatan memberikan perkhidmatan kesihatan mental. Saringan kesihatan mental untuk tahap stress, keresahan dan kemurungan juga sedang dikendalikan.

f) KKM telah mewujudkan Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) bagi memberi perkhidmatan saringan, pengesanan awal, rawatan dan rehabilitasi di peringkat komuniti.

g) Sehingga Disember 2015, sebanyak 20 buah Pusat Kesihatan Mental Masyarakat telah ditubuhkan di seluruh Malaysia. Selain itu, lebih daripada 800 klinik kesihatan kerajaan memberikan perkhidmatan kesihatan mental merangkumi promosi, saringan, intervensi, rawatan susulan dan rehabilitasi psikososial.

h) KKM juga menyediakan perkhidmatan kaunseling serta pendidikan keluarga (Carers Education) yang membekali waris yang mengidap penyakit mental mengenai cara pengendalian penjagaan pesakit mental di rumah.

i) KKM juga akan merancang untuk meluaskan saringan minda sihat kepada pelajar kolej komuniti di seluruh negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 21.3.2017

SOALAN :

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan guru sementara di Sarawak dan bilangan guru dari Semenanjung yang ditempatkan di Sarawak serta apakah rancangan Kementerian untuk membantu guru sementara yang diberhentikan kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Disember 2016, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat pengisian seramai 664 guru interim bagi memenuhi kekosongan jawatan di sekolah menengah Negeri Sarawak. Pengisian guru interim ini adalah terdiri daripada graduan pendidikan *open market* yang berasal dari negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 387 guru interim telah diperaku lantikan tetap setelah lulus temu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran manakala 213 calon gagal temu duga dan baki 64 calon tidak diperaku atau tidak hadir temu duga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM melaksanakan penempatan guru baharu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan gred DG41 bagi sekolah menengah dan sekolah rendah sebanyak tiga (3)

kali bermula Januari hingga Mac 2017. Dalam tempoh tersebut, hanya seorang guru dari semenanjung ditempatkan di Sarawak kerana mengikut pasangan berkhidmat di negeri Sarawak.

RJM59

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN
EBIN [RANAU]**

TARIKH : 21.3.2017 (SELASA)

SOALAN : 15

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan:-

- (a) apakah tindakan penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah bekalan air bersih di daerah Ranau, terutama sekali ketika musim hujan, di mana sumber bekalan air dicemari oleh banjir lumpur; dan
- (b) bilakah ianya dilaksanakan dan jumlah dana yang diperuntukkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) telah mempunyai *Standard Operating Procedure (SOP)* tersendiri jika berlakunya sebarang bencana yang menjejaskan sumber bekalan air bersih. Ianya bergantung pada tahap bencana tersebut. Tindakan jangka pendek atau panjang tertakluk pada tahap keseriusan situasi (*severity level of situation*).

Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) juga telah mengenalpasti kaedah yang bersesuaian untuk mengatasi masalah dan membekalkan akses bekalan air bersih kepada penduduk di daerah Ranau di mana sistem pengoperasian dan penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab PBAN.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sejumlah RM35 juta telah diperuntukkan untuk pelaksanaan satu projek BALB di daerah Ranau, iaitu Projek Bekalan Air Mukim Bundu Tuhan, Ranau, Sabah pada tahun ini. Projek ini dijangka akan ditender pada bulan Mei 2017.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 21.3.2017

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) sama ada Kementerian membenarkan guru yang baru bersalin untuk memerah susu untuk anak mereka di tempat kerja; dan
- (b) pendekatan Kementerian untuk memastikan tempat kerja adalah "breastfeeding friendly"

JAWAPAN

(a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia tiada halangan membenarkan guru wanita memerah atau menyimpan susu di tempat kerja. Guru-guru wanita boleh memanfaatkan bilik-bilik yang sedia ada yang sesuai untuk tujuan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[SETIU]
TARIKH : 21.3.2017 (SELASA)

Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah aduan dan tindakan yang telah diambil terhadap peniaga yang melanggar peraturan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 sejak akta tersebut dikuatkuasakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** dan mula kuatkuasakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014** pada **1 Januari 2015** untuk bertindak ke atas peniaga yang mencatut atau mengambil keuntungan yang berlebihan.

Dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2016, Kementerian telah menerima sejumlah **8,533** aduan yang berkaitan dengan isu harga.

Kementerian menerusi **OPS CATUT** yang bermula 15 Januari 2015 hingga 31 Disember 2016, telah melaksanakan tindakan tegas ke atas peniaga yang tidak bertanggungjawab kerana mencatut. Penguatkuasaan operasi ini meliputi semua peringkat perniagaan di pasaran.

Sehingga **31 Disember 2016** sebanyak **2,185,177** pemeriksaan telah dilaksanakan ke atas perniagaan di seluruh negara. Tindakan kes yang telah diambil di bawah pelbagai kesalahan adalah sebanyak **12,066 kes** dengan **jumlah rampasan** bernilai **RM11,256,956** dan keseluruhan **nilai kompaun** dikenakan sebanyak **RM1,940,317**.

Sebanyak **6,735 kes** telah dihasilkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 iaitu **406 kes** di bawah kesalahan **mencatut dalam menjual atau membekalkan barangan dan perkhidmatan**, manakala **6,329 kes** di bawah kesalahan **tidak**

meletakkan tanda harga atau senarai harga bagi barangan yang dijual.

Daripada jumlah ini, sebanyak **47 kes kesalahan mencatut telah didakwa di Mahkamah** dengan jumlah keseluruhan denda **RM830,000**. Manakala sebanyak **26 kes telah dikompaun** dengan jumlah keseluruhan kompaun **RM207,000**.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG

TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah suri rumah tangga, pecahan ikut gender, negeri, kaum dan kurungan pendapatan keluarga. Nyatakan peratusan perempuan yang menjadi suri rumah tangga.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perangkaan Malaysia tidak mempunyai statistik khusus mengenai bilangan suri rumah secara keseluruhan. Namun, statistik ini boleh dijana daripada Penyiasatan Tenaga Buruh yang dijalankan setiap bulan melalui pendekatan isi rumah daripada kalangan mereka yang berstatus luar tenaga buruh melalui kriteria yang dipungut daripada soalan "kenapa tidak mencari kerja dalam minggu rujukan".

Luar tenaga buruh merujuk kepada mereka yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dan terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

Berdasarkan maklumat berikut:

- a. Bilangan penduduk yang berada di luar tenaga buruh (umur 15-64) kerana kerja rumah atau tanggungjawab keluarga, Malaysia, mengikut jantina, sehingga separuh tahun pertama 2016 (H1/2016) adalah lelaki sebanyak 2.2 juta dan wanita sebanyak 4.8 juta. Dari jumlah itu sebanyak 58,000 (ribu) iaitu 0.8 peratus lelaki adalah dikategorikan sebagai tidak berkerja kerana menjaga keluarga dan tidak ada pendapatan tetap. Manakala sebanyak 2.8 juta wanita, iaitu 41 peratus pula menjadi suri rumah kerana menjaga keluarga dan tidak ada pendapatan.
- b. Bilangan penduduk yang berada di luar tenaga buruh kerana kerja rumah atau tanggungjawab keluarga mengikut kumpulan etnik utama, Malaysia, sehingga separuh tahun pertama 2016 (H1/2016) adalah seperti berikut:

Etnik	Penduduk luar tenaga buruh ('000)	Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga ('000)	Peratusan daripada penduduk luar tenaga buruh (%)
Bumiputera	4,475.8	1,736.6	24.7
Cina	1,532.4	607.1	8.6
India	527.6	231.1	3.3

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

- c. Bilangan penduduk yang berada di luar tenaga buruh kerana kerja rumah atau tanggungjawab keluarga mengikut negeri , sehingga separuh tahun pertama 2016 (H1/2016) adalah seperti berikut :

Negeri	Penduduk luar tenaga buruh ('000)	Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga ('000)	Peratusan daripada penduduk luar tenaga buruh (%)
Jumlah	7,028.5	2,920.8	41.6
Johor	825.3	382.3	5.4
Kedah	517.3	190.5	2.7
Kelantan	449.7	141.2	2.0
Melaka	210.2	76.9	1.1
Negeri Sembilan	257.5	108.9	1.5
Pahang	373.5	146.1	2.1
Pulau Pinang	384.3	166.9	2.4
Perak	638.6	268.4	3.8
Perlis	65.8	25.6	0.4
Selangor	1,179.3	376.1	5.4
Terengganu	301.9	126.5	1.8
Sabah	801.5	456.9	6.5
Sarawak	592.3	289.0	4.1
W.P. Kuala Lumpur	398.7	149.3	2.1
W.P. Labuan	21.4	12.5	0.2
W.P. Putrajaya	11.3	3.7	0.1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HAJI. ABD. LATIFF BIN AHMAD [MERSING]

TARIKH JAWAPAN : 21 MAC 2017

SOALAN

DATUK DR. HAJI. ABD. LATIFF BIN AHMAD minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah bantuan Kerajaan khususnya dari Kementerian ini bagi menyelesaikan isu kemarau yang melanda Daerah Mersing terutamanya masalah di takungan air di Ampangan Chongok, Mersing.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM7 juta untuk menaik taraf Empangan Congok, Mersing bagi meningkatkan kapasiti simpanan air mentah daripada 859 Juta Liter kepada 1,399 Juta Liter. Apabila siap kelak, kapasiti simpanan air Empangan Congok meningkat daripada 3 bulan kepada 5 bulan. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2018.

2. Kerajaan Persekutuan juga telah melantik Perunding untuk menjalankan kajian kemungkinan bagi meningkatkan keupayaan sumber air di Daerah Mersing hingga tahun 2060. Kajian telah bermula pada Oktober 2016 dan dijangka siap pada Januari 2018. Berdasarkan maklumat awal, terdapat potensi untuk meningkatkan sumber air di Daerah Mersing melalui opsyen-opsyen pembinaan infrastruktur berikut:
 - (i) pembinaan Ampang Jajar (Baraj) di Sg. Sarah atau pun Sg. Mersing yang mempunyai anggaran keupayaan bekalan sebanyak 23JLH atau pun 33 JLH; dan

(ii) pembinaan kolam takungan berhampiran loji Mersing yang dianggarkan berupaya menyalurkan bekalan tambahan sebanyak 43JLH.

3. Selain itu, Kerajaan Negeri Johor melalui Badan Kawal Selia Air (BAKAJ) juga sedang melaksanakan projek pemindahan air berjumlah 15 Juta Liter Sehari dari Sungai Lenggor ke Empangan Congok bagi persediaan menghadapi kemarau pada masa akan datang. Projek ini telah bermula dan dijangka siap pada bulan Mei 2017.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
TARIKH : 21 MAC 2017
SOALAN :**

YB Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berikutan pengurangan peruntukan untuk kementeriannya bagi 2017, bagaimanakah kementerian mengatur langkah untuk operasi memerangi wabak denggi seperti penularan demam denggi di kawasan perumahan awam dan di Kompleks Majlis Sukan Negara baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Prinsip pencegahan dan kawalan penyakit Denggi adalah menghapuskan pembiakan nyamuk Aedes. Matlamat utama adalah mewujudkan persekitaran yang bebas Aedes. Dalam konteks ini, tumpuan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah ke arah tanggungjawab dan penyertaan masyarakat dalam memastikan persekitaran yang bebas Aedes.

Usaha-usaha seperti gotong-royong dan penubuhan serta pengaktifan pasukan COMBI di kawasan perumahan awam, inisiatif denggi patrol di sekolah-sekolah, sukarelawan denggi di kalangan penuntut institusi pengajian tinggi bagi menggerakkan masyarakat adalah antara contoh-contoh yang terus diperhebatkan. Peranan ketua-ketua dan pemimpin masyarakat termasuk ahli-ahli parlimen amatlah penting dalam memperkasakan masyarakat bagi mewujudkan persekitaran bebas Aedes. Sehingga Ogos 2016, terdapat 3,060 pasukan COMBI yang melibatkan lebih dari 60,000 sukarelawan yang terdiri dari masyarakat.

Bagi memantau, menyelaras dan menentukan dasar tindakan pencegahan dan kawalan:-

- i. Diperingkat kebangsaan, Pasukan Petugas Khas Peringkat Kementerian dan Agensi Pusat yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan sendiri telah ditubuhkan sejak bulan Julai 2014. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap dua (2) minggu sekali dan turut dianggotai oleh Kementerian Kesihatan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia serta lain-lain agensi seperti Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan wakil kerajaan negeri Selangor, untuk melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan mengikut bidang kuasa masing-masing.

- ii. Di peringkat negeri, Pasukan Petugas Khas ini dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar atau Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Exco Kesihatan atau Setiausaha Kerajaan Negeri.
- iii. Jawatankuasa Wabak peringkat daerah pula dipengerusikan oleh Pegawai Daerah bagi melaksanakan tindakan setempat oleh pelbagai jabatan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjamin persekitaran yang bebas Aedes, Kementerian dan agensi kerajaan berkaitan turut memberi perhatian yang khusus kepada tapak-tapak pembinaan dan lot-lot tanah kosong yang terbukti antara penyumbang besar kepada pembiakan Aedes. Di sini Kementerian mengambil pendirian tegas dalam penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit termasuk perintah penutupan premis dan pendakwaan di mahkamah. Hasil dari semua usaha bersepadu ini telah menunjukkan kesan yang positif di mana tren penyakit dan kematian denggi telah menunjukkan tren penurunan.

Bagi menyokong aktiviti utama pemusnahan tempat pembiakan Aedes, KKM dan Pihak Berkuasa Tempatan akan menjalankan aktiviti kawalan Denggi dengan menggunakan pelbagai kaedah yang ditambah baik dari masa ke semasa.

Antara langkah pencegahan dan kawalan lain yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan kementerian-kementerian lain bagi mencegah penularan Denggi adalah seperti berikut:-

- i. Melaksanakan aktiviti pembersihan kawasan persekitaran bagi mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk *Aedes* seperti bekas plastik, tayar, tong dan sebagainya melalui pendekatan bersepadu melibatkan pelbagai kementerian dan agensi;
- ii. Menjalankan aktiviti semburan bahan pembunuh jentik-jentik seperti *Bacillus thuringiensis israelensis* (Bti) atau Temephos di kawasan-kawasan yang berpotensi seperti di tempat pembuangan sampah dan premis barang lusuh;
- iii. Menjalankan semburan racun serangga dengan menggunakan semburan termal dan Ultra Low Volume (ULV) bagi membunuh nyamuk *Aedes* dewasa. Namun begitu, langkah ini hanya bersifat sementara dan tidak bertahan lama;
- iv. Menjalankan aktiviti penguatkuasaan bersepadu di antara Kementerian Kesihatan, Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Keselamatan dan Pekerjaan iaitu melalui Ops Gempur *Aedes* di tapak binaan bagi memastikan tapak binaan bebas *Aedes*;

- v. Melaksanakan langkah kawalan yang baru iaitu teknik semburan dalam kawalan nyamuk *Aedes* iaitu *Outdoor Residual Spray* (ORS) terutama di bangunan strata; dan
- vi. Meningkatkan kerjasama dengan syarikat swasta melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam melaksanakan aktiviti pencegahan denggi melibatkan pelajar, contohnya program *Dengue Patrol*, dan melibatkan komuniti seperti *Dengue Free Malaysia Movement*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK UGAK ANAK
KUMBONG
[HULU RAJANG]**

**TARIKH : 21 MAC 2017
(RABU)**

SOALAN :

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :

- a) Adakah pihak kementerian bercadang untuk menaik taraf jalan menuju ke Kampung Lusong Laku dan ke Kampung Long Busang di bawah Projek Jiwa Murni; dan
- b) Apakah status terkini Jalan Belaga - Nanga Merit yang sedang dibina di bawah projek ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini pihak ATM masih belum lagi menerima sebarang permohonan atau arahan bagi pelaksanaan projek menaik taraf jalan menuju ke Kampung Lusong Laku dan ke Kampung Long Busang. Pihak ATM sedia membantu mengikut kemampuan dan keutamaan kerana ATM juga terlibat secara langsung dengan pelbagai Projek Jiwa Murni yang berkaitan pada masa ini. Walau bagaimanapun, ATM sedia membantu membina projek ini setelah bajet bagi tujuan ini diperolehi.

Bagi pembinaan jalan dari Belaga ke Nanga Merit, projek ini sedang dilaksanakan dan mengikut jadual. Projek ini dijangka akan dapat disiapkan pada 30 April 2020.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 21.3.2017

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan terkini terhadap sekolah terbengkalai, iaitu Sekolah Kebangsaan Danau Perdana di Kuala Lumpur. Apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk jual tanah sekolah ini kepada pihak swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada perancangan untuk membangunkan tapak SK Danau Perdana secara penswastan (*landswap*) mahupun secara *outright purchase* memandangkan terdapat isu perundangan yang perlu diselesaikan terlebih dahulu. KPM akan membuat perancangan secara menyeluruh pada masa akan datang berhubung keperluan pembinaan sekolah baru di tapak tersebut berdasarkan keperluan kawasan sekitar dan kepadatan enrolmen sekolah-sekolah berhampiran. KPM telah membina SK Desa Perdana yang baharu di kawasan lain (lebih kurang 2.5 km daripada tapak SK Danau Perdana yang terbiar) bagi menggantikan SK Danau Perdana.

NO. SOALAN: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN MOHD
FAKEH**

TARIKH : 21 MAC 2017

RUJUKAN : 9652

SOALAN:

**Datuk Haji Mohd Fasih Bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kadar jenayah kongsi gelap,
maksiat dan perjudian di seluruh negara bagi tempoh 5 tahun ini dan
nyatakan punca dan langkah yang diambil bagi membendung
kegiatan-kegiatan jenayah ini terutamanya di Selangor.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kongsi gelap atau *Thug Gang* dikesan banyak melibatkan kes jenayah kekerasan seperti bunuh, cubaan membunuh, samun, mendatangkan kecederaan, pemerasan dan ugutan.

Statistik jenayah kekerasan melibatkan kumpulan kongsi gelap telah memperlihatkan penurunan bagi tempoh 2012 hingga 2016 seperti berikut:

BIL	KONTINJEN	TAHUN 2012	TAHUN 2013	TAHUN 2014	TAHUN 2015	TAHUN 2016
1.	SELANGOR	35	29	18	21	13
2.	K. LUMPUR	9	12	7	2	7
3.	JOHOR	9	9	5	11	7
4.	PERAK	13	9	4	5	1
5.	P. PINANG	6	22	6	7	3
6.	N. SEMBILAN	25	9	1	1	2
7.	KEDAH	6	7	10	1	2
8.	MELAKA	3	2	2	2	0
9.	KELANTAN	2	0	0	0	0
10.	TERENGGANU	0	0	0	0	0

11.	PAHANG	0	0	1	1	0
12.	PERLIS	0	0	1	0	0
13.	SABAH	0	0	0	0	1
14.	SARAWAK	0	0	1	0	1
JUM. KESELURUHAN		108	99	56	51	37

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil langkah-langkah pencegahan untuk mengekang aktiviti kongsi gelap seperti berikut:

- (i) melancarkan Op Cantas Khas pada 17 Ogos 2013 yang diteruskan hingga kini dengan memberikan penekanan khusus kepada kumpulan kongsi gelap. Di samping itu, Kementerian telahewartakan sebanyak 72 kumpulan kongsi gelap sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang. Tindakan terhadap mana-mana ahli yang menganggotai kumpulan tersebut boleh diambil di bawah Seksyen 43 dan 52 Akta Pertubuhan 1966;**
- (ii) memperkasakan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA); dan**
- (iii) memeriksa dan menggeledah tempat persembunyian, tempat yang sering dikunjungi dan markas kumpulan kongsi gelap untuk mencari**

senjata-senjata merbahaya yang digunakan oleh kumpulan tersebut.

Kegiatan maksiat atau pelacuran merupakan kesalahan jenayah di bawah Seksyen 372, Seksyen 372A dan Seksyen 372B Kanun Keseksaan. PDRM sentiasa mengambil tindakan terhadap aktiviti pelacuran melibatkan warganegara asing dan warganegara tempatan.

Statistik serbuan yang dilakukan terhadap tempat-tempat pelacuran di seluruh negara dari tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti berikut:

Tahun	2012	2013	2014	2015	2016	Jumlah
Serbuan	42,496	49,558	57,312	49,577	28,377	227,320

Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengekang aktiviti pelacuran di dalam negara adalah seperti berikut:

- (i) melancarkan Op Noda di seluruh kontinjen dan mengambil tindakan pembersihan dengan memeriksa premis-premis hiburan, sarang-sarang pelacuran dan pub-pub yang telah dikenal pasti;**

- (ii) mengambil tindakan terhadap penjaga atau pemilik premis di bawah Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63 (Melindungi Pemandang Asing) dan wanita warganegara asing yang menyalahgunakan pas lawatan di bawah Seksyen 39B Peraturan-Peraturan Imigresen 1959/63 (Langgar Syarat Pas Lawatan);**

- (iii) menyenaraihitamkan warganegara asing yang dikenal pasti sering memasuki negara ini khusus untuk menjalankan kegiatan pelacuran atau pelayan pelanggan (GRO); dan**

- (iv) mengenal pasti tempat-tempat yang sering menjadi *point of entry* oleh penyeludup-penyeludup yang membawa warganegara asing untuk dijadikan pelacur sebagai tindakan pencegahan dan bagi menyelamatkan mangsa.**

Bagi tahun 2016, sebanyak 2,150 kes pelacuran telah dituduh di mahkamah melibatkan seramai 18 orang di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dan 9 orang di bawah Akta Pengubahan Wang Haram.

PDRM sentiasa menyerbu premis yang menjalankan aktiviti berkenaan atau premis yang berselindung di sebalik Pusat

**Hiburan Keluarga (PHK) yang menjalankan aktiviti perjudian.
 Statistik serbuan berkaitan aktiviti perjudian di seluruh negara
 dari tahun 2011 hingga September 2016 adalah seperti berikut:**

**SERBUAN DAN TANGKAPAN PERJUDIAN MESIN BERKOMPUTER DI SELURUH MALAYSIA
 BAGI TAHUN 2011 HINGGA JAN-SEPT 2016**

KONTINJEN	SERBUAN						RAMPASAN MESIN					
	2011	2012	2013	2014	2015	JAN-SEPT 2016	2011	2012	2013	2014	2015	JAN-SEPT 2016
KL	6866	10453	8381	1170	1005	1806	15048	12293	9016	21679	15704	24823
SEL	5725	8874	15751	3812	6152	5647	20565	29924	28788	60980	59407	114036
JOHOR	3834	5083	7918	394	602	1927	25487	37488	9081	5711	6709	20220
P.PNG	1825	2912	4693	442	97	141	9496	7997	5940	6828	1008	416
PERAK	2243	1806	2284	452	75	239	11900	11516	5684	7423	780	20448
SABAH	438	1312	2578	326	75	98	2145	3171	3686	5077	674	987
PERLIS	0	0	1	0	0	0	0	0	6	0	0	0
KEDAH	1957	1737	3394	465	278	306	5281	8753	10637	6137	880	785
N/SBLN	666	966	2838	267	110	307	5955	7871	3325	4175	824	2218
MELAKA	619	336	359	188	101	237	487	2592	1466	5141	1302	3155
PAHANG	207	932	688	622	39	48	2620	10639	8838	14137	155	193
TRGANU	0	1	0	6	5	0	0	7	0	8	10	0
KLTN	84	236	425	0	0	24	0	89	0	0	0	0
SRWK	41	371	4285	947	565	99	273	2477	3647	11685	9140	993
JUMLAH	24505	35019	53595	9091	9104	10879	99257	134817	90114	148981	96593	188274

KONTINJEN	TANGKAPAN						RAMPASAN WANG					
	2011	2012	2013	2014	2015	JAN-SEPT 2016	2011	2012	2013	2014	2015	JAN-SEPT 2016
KL	4278	3066	1748	2881	3012	4205	191768	141014	119390	202830	303146	459709
SEL	2317	2320	2179	4181	9044	6652	20597	84666	143675	330412	591755	484560
JOHOR	3176	5456	2308	2775	2504	9742	60528	143766	106426	199010	270292	553273
P.PNG	990	796	680	610	410	243	31441	106900	51477	75202	88404	44470
PERAK	658	542	472	841	565	680	10268	75017	68246	65416	64024	66380
SABAH	281	527	623	659	451	331	0	44383	38161	98352	183525	39438
PERLIS	0	0	7	0	0	0	0	81219	102	0	0	0
KEDAH	1026	1684	2133	1457	575	685	26551	225309	194929	93498	61509	37358
N/SBLN	536	367	252	329	118	773	42220	6447	86360	57764	47423	90674
MELAKA	209	543	211	430	234	370	0	52976.6	45662	13834	13552	19828
PAHANG	1062	4156	3551	3555	209	202	26929	12372	6506	261557.7	23226	14280
TRGANU	0	1	0	16	19	0		238	0	2200	835	0
KLTN	0	3	0	0	0	20		0	0	0	0	0
SRWK	61	685	1077	2676	2586	584	5857	0	0	313015	205534.65	71181
JUMLAH	14594	20146	15241	20410	19727	24487	416159	974307	860934	1713091	1853226	1881151

Selain daripada operasi yang dijalankan secara berterusan bagi mengekang kegiatan perjudian, PDRM juga telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) membentangkan Nota Makluman berhubung aktiviti perjudian haram pada Oktober 2014 dan pada Mac 2015 dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Bil.122 dan Bil.123 dengan menggariskan beberapa cadangan penyelesaian dan kaedah pelaksanaan penguatkuasaan terhadap aktiviti perjudian haram secara bersepadu melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi kerajaan yang lain;**
- (ii) melatih lebih ramai penganalisis pakar-pakar judi untuk memudahkan mereka mengenal pasti dan mengkategorikan sesuatu aktiviti itu sebagai mempunyai elemen perjudian. Di samping itu, usaha ini akan memudahkan proses mengemukakan keterangan bagi tujuan pendakwaan di Mahkamah;**
- (iii) mengadakan kempen dan ceramah kesedaran tentang kesan aktiviti perjudian dengan menyasarkan golongan remaja di peringkat persekolahan;**
- (iv) menubuhkan unit pemantau yang diletakkan di bawah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS)**

bertujuan memastikan gejala judi haram dapat diperangi sehingga ke akar umbi. Pasukan ini akan memantau semula premis-premis yang pernah diserbu bagi memastikan premis berkenaan tidak kembali menjalankan semula aktiviti perjudian haram; dan

- (v) PDRM telah mengkaji dan membuat beberapa cadangan pindaan terhadap Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289). Usaha untuk meminda Akta ini telah dibincangkan dengan pihak PEMANDU pada bulan Ogos 2014. Pada Julai 2015, atas inisiatif Jabatan Peguam Negara, satu perbincangan telah diadakan dengan pengusaha judi berlesen dari seluruh negara, Bank Negara Malaysia, PDRM dan Kementerian Kewangan. PDRM telah mengenal pasti provisi-provisi yang perlu dipinda dalam menangani gejala perjudian secara atas talian dengan lebih berkesan.**

Hasil daripada operasi yang dijalankan telah menunjukkan kesan yang positif di mana aktiviti kongsi gelap, maksiat dan perjudian telah dapat dikurangkan dan perasaan *fear of crime* di kalangan penduduk telah dapat dikurangkan.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Dato' Mansor bin Othman [Nibong
Tebal]**

TARIKH : 21 Mac 2017 (Selasa)

**SOALAN : Dato' Mansor bin Othman minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:**

status pelaksanaan Program
Agropreneur Muda yang dibentangkan
oleh Kerajaan dalam bajet 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan Program Agropreneur Muda bagi melahirkan dan membangunkan belia dalam sektor pertanian dan industri asas tani. Bantuan yang diberikan adalah geran berbentuk barangan (in-kind contribution) kepada belia layak serta latihan / kursus teknikal serta pengurusan kewangan termasuk penyediaan kertas rancangan perniagaan.

Status pelaksanaan Program Agropreneur Muda bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

- i. Mensasarkan seramai 1,000 belia dengan peruntukan RM20 juta;
- ii. Seramai 3,088 belia telah berdaftar di bawah program ini dan seramai 1,034 belia telah menerima bantuan geran;
- iii. Daripada jumlah ini, 43.2% belia telah beroleh pendapatan melebihi RM3,000 sebulan;
- iv. Sebanyak 75 siri program promosi ke seluruh negara dilaksanakan; dan
- v. Seramai 1,686 belia telah mengikuti latihan / kursus teknikal yang dianjurkan oleh Kementerian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN HJ ZAHARI
[SETIAWANGSA]
TARIKH : 21.3.2017 (SELASA)

Dato' Ahmad Fauzi Bin Hj Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan aplikasi Ez-ADU yang telah dilancarkan pada tahun 2015 dan berapakah jumlah aduan yang diterima sejak ianya dilancarkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Ez-ADU merupakan satu aplikasi telefon pintar yang dibangunkan oleh KPDNKK bagi memudahkan pengguna untuk membuat aduan ke KPDNKK. Aplikasi ini telah dilancarkan pada 16 April 2015 oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PDNKK). Sehingga **21 Mac 2017**, sebanyak **1,813 jumlah aduan** yang telah diterima menerusi aplikasi ini disambungkan terus ke sistem e-Aduan KPDNKK.

Aplikasi ini bertujuan untuk mempelbagaikan lagi platform penyaluran aduan pengguna sekaligus memantapkan lagi inisiatif perlindungan pengguna, di mana mereka boleh mengemukakan aduan di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja menggunakan aplikasi telefon pintar.

Untuk makluman Dewan yang mulia, sebanyak **418 aduan diterima** pada **tahun 2015** dan sebanyak **1,043 aduan diterima** pada tahun 2016 dan 352 aduan diterima sehingga 21 Mac 2017 telah disalurkan melalui aplikasi ini menjadikan jumlah keseluruhan aduan adalah sebanyak 1,813 aduan yang diterima dan diselesaikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ
[RAUB]**

TARIKH : 21 MAC 2017 [SELASA]

**Dato' Mohd Ariff Sabri Bin Abdul Aziz [Raub] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

(a) mengikut maklumat terkini, Koperasi Permodalan FELDA Berhad (KPF) mempunyai 5.8% saham dalam FGV. Apa telah jadi kepada rancangan asal memberi KPF 37% dalam FGV; dan

(b) berapakah wang yang diperolehi oleh KPF dengan menyerahkan 51% kepentingan dalam Felda Holdings.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang perjanjian dengan Koperasi Permodalan Felda Berhad (KPF) untuk menyediakan peruntukan saham sebanyak 37% dalam FGV seperti yang didakwa. Sebagai sebuah syarikat senaraian awam, saham FGV diapungkan di papan utama Bursa Malaysia dan pergerakan jual beli saham FGV dilakukan di pasaran terbuka mengikut peraturan yang ditetapkan.

Berkenaan penjualan 51% ekuiti Koperasi Permodalan FELDA Berhad (KPF) dalam FELDA Holdings Berhad (FHB), nilai perolehan penjualan adalah berjumlah RM2.2 billion.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL
AZIZ**

TARIKH : 21 MAC 2017

RUJUKAN : 9653

SOALAN:

**Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa jumlah warga asing
yang kini berada di negara ini dan dalam sektor manakah mereka
terlibat.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif sehingga 28 Februari 2017 adalah seramai 1,839,714 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan PLKS oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Pecahan mengikut sektor bagi tempoh sehingga 28 Februari 2017 adalah seperti berikut :

BIL.	SEKTOR	JUMLAH (ORANG)
1.	Perkilangan	644,494
2.	Pembinaan	371,983
3.	Perladangan	269,082
4.	Pertanian	170,147
5.	Perkhidmatan	251,567
6.	Pembantu Rumah Asing	132,441
	JUMLAH	1,839,714

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL
HADI BIN AWANG [MARANG]**

TARIKH : 21 MAC 2017

SOALAN :

YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Menteri kabinet dan Ketua Setiausaha (KSU) mahu mengisytiharkan aset secara terus kepada SPRM berikutan indeks persepsi rasuah 2016 semakin menurun.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini tiada peruntukkan undang-undang sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, Anggota Perkhidmatan Awam termasuklah Ketua-Ketua Setiausaha (KSU), mereka tertakluk kepada Arahan Pengisytiharan Harta Di Bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib 1993).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan sentiasa menambahbaik usaha-usaha mencegah jenayah rasuah di negara ini termasuklah penambahbaikan dari segi undang-undang dan memperkemaskan prosedur-prosedur sedia ada.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]

TARIKH : 21 Mac 2017

SOALAN : Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :-

- a) Jumlah dan senarai nama syarikat pemegang lesen pengeksportan sarang burung walit ke China yang telah diluluskan; dan
- b) Apakah kriteria Kementerian dalam meluluskan pemegang lesen tersebut dan kawalan terhadap para pemegang lesen.

Tuan Yang Dipertua,

a) Sehingga kini, Kerajaan China telah memberi kelulusan pendaftaran kepada 19 buah syarikat Malaysia. Senarai syarikat Malaysia yang telah diberikan kelulusan bagi pengeksportan Sarang Burung Walit (SBW) ke China adalah seperti berikut:-

1. Sunshine Region Sdn.Bhd.
2. PT Swift Marketing Sdn.Bhd.
3. Tian Ma Bird Nest Sdn.Bhd.
4. Kuan Wellness Sdn.Bhd.
5. Fuciphagus Agritech Sdn.Bhd.
6. Yen Pao Lai (M) Sdn.Bhd.
7. Golden Mah Bird's Nest Sdn.Bhd.
8. Yanming Resources Sdn. Bhd.
9. Ka Sin Success (M) Sdn Bhd
10. Steady Farm Sdn.Bhd.
11. Wing Shen Food Industries Sdn. Bhd.
12. Swallow House Enterprise
13. Dynamic Transforms Sdn. Bhd.
14. Nest World Sdn. Bhd.
15. Duta Sialin Biotechnology Sdn. Bhd
16. Dama Dingji Yanwo Sdn. Bhd.
17. Borneo Yin Woh Sdn. Bhd.
18. Ricksen (M) Sdn. Bhd.

19. Blue Sky Bird Nest Sdn. Bhd.

- b) Pengeksport yang ingin mengeksport SBW ke China haruslah mematuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Republik Rakyat China (PRC). Kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh PRC adalah berdasarkan keselamatan dan kualiti makanan dari loji ke bahan mentah (perladangan/rumah burung walit) dan dari loji ke pengguna (*finish products*). Kriteria-kriteria ini telah dinyatakan dalam Protokol pengimportan ke China yang telah ditandatangani pada September 2016 yang lalu.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dibawah Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani juga sentiasa memantau agar syarikat yang telah diberi kelulusan mengeksport SBW ke China, mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan melalui penyediaan garis panduan dan standard, peraturan, pendaftaran premis dalam rangkaian industri sarang burung walit, pengauditan dalaman, khidmat rundingcara berterusan, mengadakan bengkel/seminar/khusus pemantapan kepastian kualiti dan amalan perladangan yang baik bagi menjamin pengeluaran produk yang berkualiti dan selamat dimakan.

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO

TARIKH : 21 MAC 2017

RUJUKAN : 9798

SOALAN:

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan tahanan yang mati di bawah jagaan Jabatan Imigresen setiap tahun dari 2010 hingga 2016 mengikut umur, jantina, depot tahanan, negara asal, tempat dan sebab kematian, dan jika tahanan tersebut Rohingya atau pelarian / pemohon suaka yang berdaftar dengan UNHCR.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kematian di Depot Tahanan Imigresen (DTI) yang direkodkan dari tahun 2014 hingga 2016 adalah seramai 161 orang. Punca kematian yang dikenal pasti oleh pihak hospital ialah penyakit kritikal dan berjangkit seperti *tuberculosis* (TIBI), *Human Immunodeficiency Virus* (HIV), jangkitan paru-paru, masalah jantung, denggi, kencing manis, sesak nafas, kegagalan fungsi organ dan sebagainya. Statistik terkumpul mengenai kematian dari 2014 hingga 2016 mengikut DTI adalah seperti berikut:

i)	DTI Langkap	-	40 orang
ii)	DTI Bukit Jalil	-	31 orang
iii)	DTI Lenggeng	-	28 orang
iv)	DTI Juru	-	17 orang
v)	DTI Machap Umboo	-	12 orang
vi)	DTI KLIA	-	11 orang
vii)	DTI Semenyih	-	7 orang
viii)	DTI Tanah Merah	-	5 orang
ix)	DTI Pekan Nenas	-	5 orang
x)	DTI Ajil	-	4 orang
xi)	DTI Semuja	-	1 orang

Pecahan kematian Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di DTI dari tahun 2014 hingga 2016 mengikut warganegara asal dan jantina adalah seperti berikut:

- i) Warganegara Myanmar - 73 orang**
Lelaki: 70 orang
Perempuan: 3 orang

- ii) Warganegara Indonesia - 23 orang**
Lelaki: 12 orang
Perempuan: 7 orang
Kanak-kanak: 4 orang

- iii) Warganegara Bangladesh - 14 orang**
Lelaki: 14 orang
Perempuan: Tiada

- iv) Warganegara India - 12 orang**
Lelaki: 12 orang
Perempuan: Tiada

- v) Warganegara Kemboja - 11 orang**
Lelaki: 1 orang
Perempuan: 10 orang

- vi) Warganegara Nepal** - **6 orang**
Lelaki: 6 orang
Perempuan: Tiada

- vii) Warganegara Pakistan** - **5 orang**
Lelaki: 5 orang
Perempuan: Tiada

- viii) Warganegara Nigeria** - **5 orang**
Lelaki: 5 orang
Perempuan: Tiada

- ix) Warganegara Thailand** - **3 orang**
Lelaki: 3 orang
Perempuan: Tiada

- x) Warganegara Vietnam** - **2 orang**
Lelaki: 2 orang
Perempuan: Tiada

- xi) Lain-lain warganegara** - **7 orang**
Lelaki: 6 orang
Perempuan: 1 orang

SOALAN NO. : 31

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]**

TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)

NO. RUJUKAN :

SOALAN :

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan bilakah cukai petak akan dilaksanakan berikutan Akta Hakmilik Strata pindaan tahun 2016 telah diwartakan bagi pelaksanaan mulai 1 Januari 2017 dan apakah usaha yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan urusan/ pindahmilik yang berkaitan tidak dapat dijalankan jikalau seseorang pemilik mempunyai tunggakan caj servis yang belum dijelaskan walaupun cukai petaknya telah dibayar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berikutan kuatkuasa Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2016 [*Akta A1518*] pada 1 Januari 2017, cukai petak dilaksanakan secara berperingkat mengikut kesediaan Pihak Berkuasa Negeri. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Pengarah-Pengarah Tanah Malaysia yang bersidang pada 19 Disember 2016 telah dimaklumkan bahawa Negeri-negeri yang bersedia untuk melaksanakan cukai petak pada 1 Januari 2018 adalah seperti berikut:

- (1) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- (2) Pulau Pinang;
- (3) Melaka; dan
- (4) Selangor.

Buat masa ini, Kerajaan tidak menghalang urusan/ pindahmilik sekiranya seseorang pemilik mempunyai tunggakan caj servis yang belum dijelaskan walaupun cukai petaknya telah dibayar.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI

TARIKH : 21 MAC 2016

RUJUKAN : 9668

SOALAN:

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah usaha pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah penduduk luar bandar yang tidak memiliki Surat Beranak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) amat komited dalam memastikan setiap penduduk yang dilahirkan di Malaysia dapat didaftarkan dengan mudah. Ini adalah selari dengan peruntukan undang-undang yang mewajibkan pendaftaran bagi semua kelahiran yang berlaku di Malaysia. Dalam hal ini, pelbagai langkah proaktif telah dilaksanakan oleh JPN khususnya kepada penduduk di kawasan pedalaman, warga emas atau yang berkeperluan seperti orang kelainan upaya dan sebagainya seperti berikut:

- i. Program Turun Padang (Program *Outreach*);**
- ii. Unit Khas Bergerak di Sabah dan Sarawak;**
- iii. Unit *Mobile*; dan**
- iv. kaunter-kaunter di Ibu Pejabat JPN, JPN Negeri, Cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR
BIN SALLEH [KALABAKAN]**

TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN : 33

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berikutan dengan beberapa insiden bot pelancongan karam mahupun hilang, apakah Kementerian akan mewujudkan dan menguatkuasakan undang-undang atau peraturan ketat untuk pemilik dan pengendali bot-bot pelancongan agar industri ini menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Pengangkutan berdasarkan Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 telah menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang ketat kepada pemilik-pemilik bot termasuk bagi kegunaan pelancongan. Penguatkuasaan yang diambil oleh Kementerian adalah dari aspek-aspek berikut:

i. Pengoperasian terminal/jeti yang sah

Setiap pelepasan bot mengkehendaki pengusaha-pengusaha bot untuk menyerahkan senarai penumpang kepada pihak berkuasa yang bertugas di jeti-jeti berkenaan.

ii. Kebolehlayaran bot

Setiap bot-bot yang dilesenkan juga wajib menjalani pemeriksaan tahunan bagi tujuan pembaharuan lesen. Aspek-aspek kebolehlayaran bot yang diperiksa adalah seperti berikut:

- a. Hull & Machinery;
- b. Life Saving Appliances (jaket keselamatan, pelampung dsb.);
- c. sama ada terdapat pengubahsuaian yang dibenarkan; dan

d. alat pemadam api.

iii. Pengoperasian bot ketika bot sedang beroperasi

Bot-bot yang sedang beroperasi/belayar turut dipantau oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Ini kerana terdapat kemungkinan bot-bot yang telah berlepas di jeti-jeti yang sah berhenti di perhentian lain yang tidak dikawal selia (jetii haram) untuk mengambil penumpang dan yang berkemungkinan melebihi kapasiti bot atau menyalahi mana-mana peraturan yang ditetapkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK DR. MAKIN @
MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]**

TARIKH : 21 MAC 2017

SOALAN :

**YB Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

(a) jenis tindakan yang telah dan boleh diambil ke atas individu mahupun organisasi yang sengaja memberikan publisiti buruk ke atas sistem pengurusan dan kepimpinan negara, terutama sekali dalam sistem penyampaian negara ini; dan

(b) adakah mereka ini boleh dianggap sebagai pengkhianat negara.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan penguatkuasaan ke atas bentuk salah laku seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat telah dilaksanakan melalui tindakan tatatertib. Mulai tahun 2010 sehingga 15 Februari 2017, sebanyak 65 kes telah dilaporkan melibatkan pegawai awam di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan badan berkanun. Daripada 65 kes tersebut, 28 (43.0%) orang pegawai telah dikenakan hukuman tatatertib bermula dari hukuman amaran sehingga hukuman buang kerja manakala 37 (57%) orang pegawai telah dimulakan prosiding tatatertib atau sedang dalam proses siasatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]

TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah kerajaan seperti yang dijanjikan dalam usaha kerajaan bagi menggalakkan serta mengawal selia keusahawanan perkhidmatan ride sharing yang wujud seperti syarikat UBER serta GrabCar. Apakah wujudnya insentif kerajaan bagi menggalakkan usahawan tempatan dalam membangunkan industri sedemikian.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah mengumumkan langkah untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing* seperti Uber dan Grab sebagai salah satu inisiatif yang telah diformulasi dalam Program Transformasi Industri Teksi (TITP).

2. Bagi tujuan tersebut, pindaan kepada undang-undang sedia ada akan dibentangkan di Parlimen pada mesyuarat pertama tahun ini. Langkah kawal selia ini adalah untuk memastikan penggunaan teknologi membawa kesan yang positif bukan sahaja pemandu teksi, pemandu *e-hailing* dan penumpang, malah memberi ruang kepada usahawan tempatan yang berminat untuk menerokai peluang dalam industri ini melalui pembangunan sistem aplikasi tempatan.

3. Bagi pemandu teksi sedia ada pula, permit atau lesen individu akan dikeluarkan kepada mereka yang telah tamat kontrak sewa beli (pajak) bagi membolehkan mereka beroperasi tanpa perlu menyewa permit daripada syarikat. Disamping itu, mereka juga akan diberikan bantuan geran wang tunai berjumlah RM5,000 sebagai subsidi kos bayaran pendahuluan (*downpayment*) bagi membeli kenderaan baru untuk dijadikan teksi.

4. Selain itu, YAB Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2017 turut menggalakkan mereka yang mempunyai kenderaan untuk menjana pendapatan sampingan sebagai pemandu *e-hailing*. Manakala bagi penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang tidak mempunyai kenderaan tetapi ingin menceburkan diri dalam industri ini, mereka boleh menggunakan bantuan tersebut untuk sebagai pendahuluan untuk membeli Proton Iriz serta mendapat rebat sehingga RM4,000.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN LIM GUAN ENG
KAWASAN : BAGAN
TARIKH : 21 MAC 2017, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN LIM GUAN ENG minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah dividen diterima Kerajaan Pusat daripada syarikat-syarikat konsesi lebuhraya sehingga kini. Berapakah jumlah perlu dibiayai untuk mengambil alih semua syarikat konsesi dalam negara. Jelaskan kenapa rakyat masih perlu membayar tol Lebuhraya Utara-Selatan dan Jambatan Pertama Pulau Pinang walaupun tempoh konsesi telah tamat dan kutipan sedia ada telah melebihi kos pembinaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat tidak menerima sebarang dividen secara langsung daripada syarikat-syarikat konsesi lebuhraya, sebaliknya ia (dividen) daripada hasil keuntungan yang diperolehi oleh syarikat konsesi akan diagihkan kepada para pemegang saham ('shareholders').

usaha untuk menasionalisasikan kesemua lebuhraya yang sedang

beroperasi – untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan hasil Makmal PEMANDU pada tahun 2010, jumlah kos untuk tujuan pengambilalihan tersebut ialah dianggarkan sebanyak RM383.3 bilion. Jumlah tersebut dijangka meningkat lagi kepada anggaran RM400 bilion setelah mengambil kira beberapa lebuhraya baru lain yang siap dan beroperasi selepas 2010 seperti Jambatan Kedua Pulau Pinang dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2. Cadangan pengambilalihan tersebut akan membebaskan kewangan Kerajaan di mana peruntukan tersebut sepatutnya boleh digunakan bagi kemudahan sosial lain yang lebih penting dan memberikan kesan berganda ('multiplier effect') kepada orang ramai, seperti untuk sektor kesihatan dan juga pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, mengikut perjanjian konsesi asal Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) yang ditandatangani pada tahun 1988, konsesi akan tamat pada tahun 2018, manakala bagi Jambatan Pulau Pinang berdasarkan perjanjian konsesi asal yang ditandatangani pada tahun 1993, ia sepatutnya tamat pada tahun 2021. Walau bagaimanapun berikutan usaha Kerajaan untuk mengurangkan kesan kenaikan tol, kadar tol bagi kedua-dua lebuhraya tersebut telah distrukturkan semula di bawah PLUS BERHAD pada tahun 2011 supaya kadar tol sedia ada dapat dikekalkan. Hasil penstrukturan semula ini, tarikh tamat konsesi bagi Lebuhraya PLUS dan Jambatan Pulau Pinang telah dipanjangkan hingga 31 Disember 2038.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN LIM GUAN ENG
KAWASAN : BAGAN
TARIKH : 21 MAC 2017, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN LIM GUAN ENG minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah dividen diterima Kerajaan Pusat daripada syarikat-syarikat konsesi lebuhraya sehingga kini. Berapakah jumlah perlu dibiayai untuk mengambil alih semua syarikat konsesi dalam negara. Jelaskan kenapa rakyat masih perlu membayar tol Lebuhraya Utara-Selatan dan Jambatan Pertama Pulau Pinang walaupun tempoh konsesi telah tamat dan kutipan sedia ada telah melebihi kos pembinaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat tidak menerima sebarang dividen secara langsung daripada syarikat-syarikat konsesi lebuhraya, sebaliknya ia (dividen) daripada hasil keuntungan yang diperolehi oleh syarikat konsesi akan diagihkan kepada para pemegang saham ('shareholders').

Mengenai anggaran kos pengambilalihan ('expropriation') atau usaha untuk menasionalisasikan kesemua lebuhraya yang sedang beroperasi – untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan hasil Makmal PEMANDU pada tahun 2010, jumlah kos untuk tujuan pengambilalihan tersebut ialah dianggarkan sebanyak RM383.3 bilion. Jumlah tersebut dijangka meningkat lagi kepada anggaran RM400 bilion setelah mengambil kira beberapa lebuhraya baru lain yang siap dan beroperasi selepas 2010 seperti Jambatan Kedua Pulau Pinang dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2. Cadangan pengambilalihan tersebut akan membebankan kewangan Kerajaan di mana peruntukan tersebut sepatutnya boleh digunakan bagi kemudahan sosial lain yang lebih penting dan memberikan kesan berganda ('multiplier effect') kepada orang ramai, seperti untuk sektor kesihatan dan juga pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, mengikut perjanjian konsesi asal Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) yang ditandatangani pada tahun 1988, konsesi akan tamat pada tahun 2018, manakala bagi Jambatan Pulau Pinang berdasarkan perjanjian konsesi asal yang ditandatangani pada tahun 1993, ia sepatutnya tamat pada tahun 2021. Walau bagaimanapun berikutan usaha Kerajaan untuk mengurangkan kesan kenaikan tol, kadar tol bagi kedua-dua lebuhraya tersebut telah distrukturkan semula di bawah PLUS BERHAD pada tahun 2011 supaya kadar tol sedia ada dapat dikekalkan. Hasil penstrukturan semula ini, tarikh tamat konsesi bagi Lebuhraya PLUS dan Jambatan Pulau Pinang telah dipanjangkan hingga 31 Disember 2038.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN (37)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 21 MAC 2017
[SELASA]
DARIPADA : TUAN IDRIS BIN AHMAD
[BUKIT GANTANG]
SOALAN :-

TUAN IDRIS BIN AHMAD [BUKIT GANTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional Kerajaan melaksanakan Projek Rangkaian Rel Pantai Timur (ECRL) daripada segi ekonomi, sosial dan adakah kajian kebolehlaksanaan telah dibuat menunjukkan ia baik kepada penduduk Pantai Timur.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *East Coast Rail Link* (ECRL) merupakan projek infrastruktur yang penting bagi Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang akan menghubungkan Pantai Timur dan Lembah Klang. Pelaksanaan ECRL akan menjadi pemangkin transformasi untuk negeri-negeri pantai Timur di Semenanjung dan bakal merangsangkan lagi pertumbuhan sosio ekonomi, serta memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Projek ini bukanlah sesuatu yang baharu, malah ianya telah mula dibincangkan di pelbagai peringkat sejak 1981 lagi. Sejak cadangan asalnya, perancangan menyeluruh, pelan kewangan, kaji selidik pasaran dan kajian sudah dilaksanakan. Kajian kebolehlaksanaan telah dilakukan sejak 2007 dan kaji selidik pasaran melalui Permintaan Maklumat (*Request of Information* - RFI) telah dilaksanakan dari Mac sehingga Jun 2016. Menerusi RFI, Kerajaan telah menerima respon daripada 27 kumpulan dari 5 negara yang berbeza termasuk Korea, China, Australia, Amerika Syarikat dan Eropah yang berminat untuk

melaksanakan projek ini. Melalui kajian ini, spesifikasi teknikal termasuklah indikatif terhadap kos telah ditentukan.

Dari segi pengangkutan dan lojistik, ECRL akan membolehkan ketersambungan pelabuhan ke pelabuhan di mana Pelabuhan Kuantan akan menjadi hab kargo dari timur boleh melalui Kuantan untuk mencapai Port Klang dan sebaliknya. dengan landasan kereta api yang menghubungkan kedua-dua pelabuhan. Pembangunan jaringan pengangkutan awam darat ini juga dijangka menjadi kunci kepada pembangunan sekurang-kurangnya enam bandar antara lainnya seperti Bentong, Mentakab, Kuantan, Kuala Terengganu dan Kota Bharu yang merangkumi pelbagai sektor.

Selain itu, projek ECRL ini juga secara tidak langsung akan memanfaatkan usahawan-usahawan serta pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana tempatan melalui pembangunan *Corridor Development* di sekitar jajaran projek ECRL. Ini termasuk dengan pembinaan stesen transit yang akan menyaksikan penglibatan pengusaha tempatan dalam fasa operasi kelak.

Kerajaan sangat mengambil berat akan sebarang langkah positif yang perlu dilaksanakan bagi menaikkan taraf hidup warga tempatan yang terlibat dengan pembinaan projek ini secara langsung dan tidak langsung. Dengan terlaksananya projek ini kelak, diharapkan semua pihak akan dapat memanfaatkan setiap elemen positif yang terhasil selain memberikan limpahan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih mampan, *value for money* dan boleh dirasakan oleh segenap lapisan rakyat di negara ini.

Sekian, terima kasih.

21 Mac 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN
HAJI MOHD YASSIN
[PAGOH]**

TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin [Pagoh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan menyelesaikan masalah kos keseluruhan Hutang Peneroka FELDA yang menyertai skim tanam semula yang amat tinggi, sedangkan bantuan yang diterima peneroka adalah tidak memadai. Adakah Kerajaan akan mengkaji semula faedah Bayaran Kembali (bayaran balik hutang) setinggi 6.25% yang masih dikekalkan sehingga kini.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanam semula kebun peneroka akan dilaksanakan apabila usia pokok mencecah 25 tahun dan apabila pengeluaran hasil yang tidak produktif. Komponen utama yang menyumbang kepada hutang tanam semula peneroka adalah kos pembangunan, pinjaman Sara Hidup (SH), dan pinjaman Pendahuluan Hasil (PDH).

Pembiayaan tanam semula kebun peneroka melibatkan sumber pembiayaan yang tinggi di mana FELDA perlu menampung kos untuk tiga tahun pertama yang terdiri daripada kos pembangunan dan kos sara hidup peneroka. Bagi tahun 2010 hingga 2014, kadar kos pembangunan adalah RM6,500 sehektar. Bermula tahun 2015, kos pembangunan telah meningkat kepada RM10,000 sehektar. Selaras dengan dasar FELDA, kos pembangunan bagi tanam semula kali pertama adalah ditanggung oleh FELDA berjumlah RM26,000 sepeneroka dengan anggaran purata keluasan kebun peneroka 4 hektar. FELDA juga menyediakan bantuan sara hidup kepada peneroka dalam bentuk pinjaman dengan kadar RM100/ekar/bulan untuk tahun pertama, RM120/ekar/bulan untuk tahun kedua dan RM130/ekar/bulan untuk tahun ketiga. Peneroka hanya menanggung kos sara hidup sebanyak RM42,000 sepeneroka.

Selepas tiga tahun pertama, apabila pokok sawit mula berhasil, FELDA juga menyediakan pinjaman pendahuluan hasil selama lima tahun pada kadar RM1,400 - RM1,500 sebulan memandangkan penghasilan pokok yang masih rendah dan tidak dapat menampung kos operasi kebun mereka. Kos pendahuluan hasil ini mencecah RM87,600 sepeneroka bagi purata keluasan kebun 4 hektar. Walau bagaimanapun, kos pendahuluan hasil ini akan dapat dikurangkan atau ditampung oleh pencapaian hasil bersihnya.

Pencapaian hasil yang baik dalam tempoh lima (5) tahun pertama berhasil setelah ditolak kos operasi menunjukkan keuntungan kepada peneroka. Namun begitu, apabila dikira dengan menjumlahkan keuntungan hasil kebun, pinjaman pendahuluan hasil dan pinjaman sara hidup, ianya masih menunjukkan peneroka mempunyai hutang RM50,000 hingga RM70,000 sepeneroka. Ini menggambarkan bahawa komponen pinjaman sara hidup dan pinjaman pendahuluan hasil ini menyumbang kepada hutang peneroka keseluruhan. Bagi peneroka yang tidak mengambil pinjaman sara hidup dan pinjaman pendahuluan hasil, hutang mereka adalah diparas minima.

Apabila usia pokok mencecah tahun kesembilan, kunci kira – kira akaun tanam semula peneroka akan dilaksanakan. Peneroka akan menikmati hasil sebenar bulanan setelah ditolak Bayaran Kembali (BK). Caj perkhidmatan 6.25% setahun dikira berdasarkan baki berkurangan untuk tempoh BK selama 15 tahun menjadikan kadar caj perkhidmatan efektif sebenarnya adalah 3.8% sahaja.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)

TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)

NO. SOALAN : 39

Tuan Tan Kok Wai (Cheras) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah juga draf satu rang undang-undang untuk mengawal dana politik memasukkan fasal perisytiharan mandatori semua aset dan kekayaan yang dimiliki oleh semua wakil rakyat, pegawai-pegawai Kerajaan dan parti-parti politik, jika tidak, mengapa.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 32 cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) kepada Kerajaan bagi dijadikan input penting dalam penyediaan rang undang-undang yang baharu iaitu Akta

Sumbangan dan Perbelanjaan Politik tidak merangkumi fasal perisytiharan mandatori semua aset dan kekayaan yang dimiliki oleh semua wakil rakyat, pegawai-pegawai Kerajaan dan parti-parti politik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua cadangan tersebut hanya berkaitan cadangan undang-undang atau peraturan yang bagi mengawal tindak tanduk parti dan ahli politik dalam memperoleh dan membelanjakan dana bagi membiayai aktiviti-aktiviti politik. Dalam hal ini, hanya cadangan ke atas pengisytiharan penuh mengenai butiran derma atau sumbangan politik dan butiran perbelanjaan oleh parti serta ahli politik dijadikan input utama.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
KAWASAN : JASIN
TARIKH BAHAS : 21 MAC 2017
NO. SOALAN : 40

YB Datuk Wira Haji Ahmad Bin Hamzah minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan impak Brexit dan Trumpnomics ke atas ekonomi Malaysia

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua

Proses Brexit ataupun proses UK keluar daripada Kesatuan Eropah (EU) akan hanya bermula pada atau selepas 31 Mac 2017 iaitu selepas Kertas Putih dan Notis Pemberitahuan Rang Undang-Undang Keluar dari EU (*White Paper and the EU Notification of Withdrawal Bill*) dibahaskan di Parlimen UK. Proses Brexit ini masih di peringkat yang awal lagi dan dijangka akan mengambil masa lebih dari dua tahun.

Dalam tempoh itu, UK dan Kesatuan Eropah perlu menetapkan syarat-syarat proses keluar termasuk mengenai hubungan dagang dan ekonomi.

Untuk makluman, keputusan UK untuk keluar dari Kesatuan Eropah hanya akan memberi impak minimum kepada perdagangan dan pelaburan Malaysia. Asas yang kukuh dan kepelbagaian ekonomi Malaysia berada dalam kedudukan lebih baik untuk menghadapi sebarang ketidaktentuan.

UK adalah rakan dagang ketiga terbesar Malaysia di Kesatuan Eropah dan sumber pelaburan kelapan terbesar daripada luar negara.

Pada tahun 2016, perdagangan Malaysia dengan UK berjumlah RM15.29 bilion atau 1.0 peratus daripada keseluruhan dagangan Malaysia. Nilai dagangan Malaysia dengan UK menguncup 7 peratus berbanding RM16.5 bilion pada 2015. Eksport berjumlah RM8.74 bilion, iaitu pengurangan 6.2 peratus manakala import turut berkurangan sebanyak 6.2 peratus iaitu berjumlah RM6.55 bilion. Lebihan dagangan masih memihak kepada Malaysia sebanyak RM2.19 bilion.

Bagi memastikan hubungan perdagangan di antara Malaysia dan UK bertambah kukuh, MITI dan MATRADE secara berterusan akan menganjurkan aktiviti promosi produk dan perkhidmatan Malaysia di negara tersebut. Ia penting kerana Brexit akan mewujudkan ruang perniagaan yang lebih luas untuk syarikat-syarikat Malaysia. UK yang secara tradisinya bergantung kepada EU sebagai sumber perkhidmatan dan produk mereka, boleh beralih kepada Malaysia sebagai Negara baru untuk membekalkan produk dan perkhidmatan (outsourcing of services) tersebut.

Tuan Yang DiPertua

“Trumponomics” pula merujuk kepada dasar-dasar ekonomi Presiden Amerika Syarikat (A.S.) Donald Trump. Berdasarkan kenyataan-kenyataan yang telah dikeluarkan oleh beliau, Presiden Trump dilihat mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap polisi-polisi perlindungan berlandaskan slogan “America First” dan “Make America Great Again” yang memberi keutamaan terhadap memajukan ekonomi domestik.

Sungguhpun, dasar perlindungan yang dilaksanakan oleh Presiden Donald Trump akan membawa beberapa perubahan dari segi hubungan ekonomi dua hala beberapa negara dengan A.S., impak “Trumponomics” ke atas ekonomi Malaysia adalah masih sukar dijangka. Ini kerana pentadbiran Presiden Donald Trump belum mengumumkan dasar perdagangan yang jelas, malah ahli-ahli kabinet perdagangan yang penting seperti USTR Robert Lighthizer masih belum disahkan oleh Dewan Senat Amerika Syarikat (setakat 2 Mac 2017).

Walau bagaimanapun, ingin saya maklumkan, bahawa hubungan perdagangan dan pelaburan dua hala di antara Malaysia dan A.S. telah terjalin sejak kemerdekaan negara kita lagi pada tahun 1957.

Prestasi perdagangan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat kekal kukuh pada 2016 walaupun ekonomi dunia mengalami ketidakpastian. Amerika Syarikat merupakan rakan dagang kedua terbesar Malaysia dan destinasi eksport ketiga terbesar bagi Malaysia

pada 2016. Di rantau ASEAN, Malaysia juga merupakan rakan dagang kedua terbesar Amerika Syarikat dan sumber eksport ketiga terbesar bagi Amerika Syarikat.

A.S. juga merupakan pelabur kedua terbesar di Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak USD21 bilion dan jumlah peluang pekerjaan sebanyak 282,408 setakat September 2016.

Hubungan perdagangan dan pelaburan Malaysia dan Amerika Syarikat dijangka akan terus berkembang berdasarkan hubungan timbal balik yang sedia ada di antara syarikat-syarikat di Malaysia dan di Amerika Syarikat. Selain ini, syarikat-syarikat A.S. yang merupakan MNCs sudah lama mengintegrasikan operasi mereka ke dalam *Global Value Chain* di mana Malaysia merupakan rakan dagang yang penting untuk menjalankan operasi mereka di rantau ASEAN.

MITI akan terus memantau dasar-dasar perdagangan Amerika Syarikat yang berkaitan dan akan berusaha mengukuhkan hubungan dua hala yang sedia ada untuk menjamin kepentingan Malaysia. Ini termasuk melalui pejabat luar MITI di Washington yang akan terus memantau dan menganalisa impak dari dasar-dasar baru pentadbiran Amerika Syarikat yang masih belum jelas.

NO. SOALAN : 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING]

TARIKH : 21 MAC 2016

SOALAN :

YB. Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk memansuhkan khidmat pemandu pelancong bagi lawatan pelajar sekolah dalam negara. Ini disebabkan lawatan pelajar sekolah telah dirancang oleh guru pengiring dan memandangkan kos pemandu pelancong agak tinggi dan tidak berfungsi ketika lawatan pelajar sekolah, hal ini pastinya akan membebankan pihak sekolah dan pengusaha bas sekolah ketika musim cuti sekolah.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK) tidak berhasrat memansuhkan khidmat pemandu pelancong di Negara ini yang bertindak sebagai duta kecil dalam memberi gambaran imej sebenar Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang harus dikunjungi. Penceritaan pemandu pelancong mengenai sejarah, warisan, budaya, agama, makanan tempatan dan sebagainya semasa membawa sekumpulan pelancong dari luar negara atau tempatan memberi gambaran secara tidak langsung keunikan dan keindahan Malaysia sebagai sebuah destinasi pilihan utama pelancong.

Dalam hubungan ini, bagi tujuan lawatan pelajar sekolah ke pusat tarikan pelancong menggunakan bas sekolah hendaklah menggunakan khidmat pemandu pelancong seperti mana kehendak seksyen 6(1)(i)(iii), Peraturan-peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992 iaitu:

“melainkan jika diluluskan sebaliknya oleh Pesuruhjaya, dia hendaklah menggunakan khidmat seorang pemandu pelancong dalam negeri berlesen bagi tiap-tiap pelancongan yang dikelolakan atau diaturkan olehnya”.

Walau bagaimanapun, Kementerian membenarkan pihak penganjur untuk memohon pengecualian khidmat seorang pemandu pelancong selaras dengan seksyen 6(1)(i)(iv), Peraturan-peraturan yang sama iaitu:

“dia hendaklah memohon kepada Pesuruhjaya untuk kelulusan untuk tidak menggunakan khidmat seorang pemandu pelancong berlesen dan hendaklah membayar fi pemprosesan sebanyak dua puluh ringgit bagi permohonan sedemikian”.

Pemohonan pengecualian khidmat pemandu pelancong ini boleh dipohon di Bahagian Pelesenan, KPK Putrajaya dan Ibu pejabat KPK Negeri di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 21.3.2017

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah bangunan Sekolah Menengah Desa Wawasan Tambunan yang telah pun diluluskan dapat dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembinaan Sekolah Menengah Desa Wawasan Tambunan telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana pada masa itu tapak masih belum menjadi hak milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah menyenaraikan semula permohonan pembinaan bangunan sekolah tersebut dalam dalam Rolling Plan Ketiga, Rancangan Malaysia Kesebelas. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO' MOHD
YAZID [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 21 MAC 2017

SOALAN :

YB Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kesan yang akan dihadapi kepada pengeksport makanan negara ke Amerika Syarikat, apabila "US Food and Drug Administration" (FDA) mula menguatkuasakan "Foreign Supplier Verification Programme" (FSVP) mulai Mei 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited dalam mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan keselamatan makanan dan pematuhan terhadap keperluan negara pengimport.

Dengan penguatkuasaan *Foreign Supplier Verification Programme* (FSVP) di bawah *United States Food and Drug Administration* (USFDA) *Food Safety Modernization Act* (FSMA), proses pengeksportan akan menjadi lebih panjang dan rumit di mana sebelum sesuatu makanan boleh dieksport ke Amerika Syarikat, pihak pengimport perlu meluluskan pihak pengeksport sebagai “approved foreign supplier” yang antara lainnya melibatkan audit lapangan dan verifikasi ke atas pihak pengeksport.

Dalam hal ini, KKM dengan kerjasama USFDA telah mengadakan satu seminar berhubung FSMA dan FSVP pada 5 September 2016 yang telah dihadiri oleh pengeksport makanan ke Amerika Syarikat.

Selain itu, KKM dengan kerjasama pihak *International Life Sciences Institute* (ILSI) telah mengadakan satu bengkel pada 9-10 Oktober 2016 berhubung *Food Safety Preventive Controls* yang juga telah dihadiri oleh pengeksport makanan ke Amerika Syarikat. *Food Safety Preventive Controls* adalah sistem jaminan keselamatan makanan di bawah FSMA dan merupakan salah satu syarat bagi “approved foreign supplier” di bawah FSVP.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.03.2017

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nilai dan terma-terma utama kontrak pembinaan East Coast Rail Link dengan syarikat China dan pinjaman Bank EXIM China untuk membiayai projek ini. Apakah sebabnya projek ini tidak ditender secara terbuka walaupun syarikat-syarikat tempatan mempunyai kepakaran yang mencukupi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur atau projek ECRL merupakan Projek Nasional Berimpak Tinggi yang berkemampuan memberi sumbangan besar kepada pembangunan

infrastruktur bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Pelaksanaan projek ini akan mengurangkan jurang perbezaan ekonomi dan pembangunan di antara wilayah Pantai Timur dan Pantai Barat, selain menyumbang 1.5% kepada kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi wilayah ECER dalam tempoh 50 tahun akan datang.

The Export Import Bank of China (China EXIM Bank) telah menawarkan Pinjaman Mudah dan kadar faedah yang rendah untuk tempoh 20 tahun termasuk 7 tahun *grace period*, iaitu tiada bayaran prinsipal diperlukan sepanjang tempoh tujuh tahun pertama.

Bagi melayakkan Malaysia memperolehi terma kewangan yang ditawarkan oleh *China Exim Bank*, projek ini perlu dilaksanakan oleh syarikat *China Communications Construction Company (CCCC)*, sebuah syarikat pembinaan terbesar milik Kerajaan China.

Namun begitu, Kerajaan tidak meminggirkan syarikat-syarikat tempatan yang layak dan berwibawa untuk terlibat sama dengan projek ECRL. EPCC telah menetapkan bahawa Syarikat CCCC perlu melantik syarikat-syarikat tempatan bagi bersama-sama menjayakan projek ECRL beserta pemindahan pengetahuan dan teknologi kepada

rakan kongsi tempatan yang terlibat, termasuklah syarikat yang bakal menjadi pengendali kereta api bagi landasan yang dibina. Kerajaan secara prinsipnya bersetuju supaya sekurang-kurangnya 30% kerja-kerja infrastruktur projek turut melibatkan syarikat-syarikat dan kontraktor tempatan. Bagi memastikan projek ini berjalan mengikut jadual, sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) iaitu Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui, mengawal dan memantau pelaksanaan Projek ECRL ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]
TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)
SOALAN : 45

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan keberkesanan untuk menyelenggara lapangan-lapangan terbang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri pengoperasian lapangan terbang adalah satu industri yang memiliki aset intensif, di mana aset-aset tersebut penting bagi memastikan keselamatan awam, keselesaan penumpang selain mengekalkan operasi dan perniagaan yang kukuh. Pihak Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) telah memulakan strategi pengurusan aset yang selari dengan amalan terbaik industri seawal tahun 2006 dalam meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan, menguruskan aset dengan kos yang lebih efektif dan pada masa yang sama menguruskan risiko-risiko perniagaan.

Pihak MAHB telah menjalankan strategik pengurusan fasiliti (*strategic facilities management*) di mana ianya terbahagi kepada dua kategori pengurusan, iaitu penyelenggaraan yang dikontrakkan (*outsourcing maintenance*) dan penyelenggaraan dalaman (*In House Maintenance*).

Untuk penyelenggaraan yang dikontrakkan, ianya tertumpu kepada fasiliti umum iaitu lif, eskelator, sistem elektrik dan mekanikal dan servis pembersihan, manakala untuk kategori penyelenggaraan dalaman, pihak MAHB sendiri yang akan menguruskan dan mengoperasikan fasiliti ini yang bertumpu kepada fasiliti khas, kritikal, unik dan berkaitan dengan keselamatan lapangan terbang, antaranya sistem kendalian bagasi (*baggage handling system*), sistem saringan keselamatan (*security screening system*), sistem transit aerotrain, jambatan udara (*passenger boarding bridge*), sistem visual (*visual docking guidance system*) dan lampu aero (*aeronautical ground lightings*). Strategi pengurusan fasiliti

adalah bertujuan untuk memberi satu pengurusan yang terbaik demi memastikan keselamatan, keselesaan dan efektif kepada semua pengguna, penumpang, *stakeholders* serta syarikat penerbangan di semua lapangan terbang kendalian MAHB.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, strategi pengurusan aset ini terdiri daripada kos kitaran hayat (*life cycle cost*), program penggantian aset menyeluruh (*comprehensive asset replacement*), model kewangan aset (*asset financial modelling*), pelan kesinambungan perniagaan dan risiko perniagaan seiring dengan prestasi aset semasa. Strategi pengurusan aset juga meliputi latihan audit secara berterusan, pemantauan dan peningkatan aset dalam menyediakan keselamatan dan memastikan perlindungan kepada pengguna, penumpang dan pihak yang berkepentingan pada setiap masa di setiap lapangan terbang di bawah seliaan MAHB.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN : 46

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah jenis nombor plat JPJ yang memohon tender telah didaftarkan atau tidak didaftarkan bagi setiap negeri dari tahun 2015 dan 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 113 siri nombor telah ditawarkan secara tender di seluruh Malaysia bagi tahun 2015. Jumlah keseluruhan nombor yang ditawarkan adalah sebanyak 31,582 nombor sepanjang tahun 2015. Jumlah nombor tender yang didaftarkan pada tahun 2015 adalah 29,807 dan tidak didaftarkan adalah 1775.

Manakala bagi tahun 2016 sebanyak 119 siri nombor telah ditawarkan secara tender di seluruh Malaysia. Jumlah keseluruhan nombor yang ditawarkan adalah sebanyak 37,545 nombor sepanjang tahun 2016. Jumlah nombor tender yang didaftarkan pada tahun 2016 adalah 26,014 dan tidak didaftarkan adalah 11,531.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]**

TARIKH : 21 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab-sebab kenapa masih terdapat lebih daripada 4 juta pengundi layak yang belum berdaftar sebagai pengundi di Malaysia walaupun usaha-usaha telah dilaksanakan oleh pihak SPR . Sila nyatakan butiran secara terperinci jumlah bantahan ke atas kemasukan nama-nama orang di dalam Rang Daftar Pemilih Tambahan yang di terima oleh SPR untuk tempoh suku tahun ketiga dan keempat 2016.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran sebagai pemilih adalah hak warganegara di bawah Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menarik lebih ramai warganegara untuk mendaftar sebagai pemilih seperti menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran di pusat membeli-belah, pusat rekreasi, kawasan penempatan penduduk, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pusat-pusat latihan yang berkaitan. Usaha ini termasuklah melakukan aktiviti pendaftaran pemilih di kawasan luar bandar dan pedalaman. SPR juga sentiasa terbuka untuk menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran sekiranya terdapat jemputan bagi penganjuran program-program berkaitan.

Selain itu, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di Kaunter Pendaftaran Pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat-Pejabat Pos serta kaunter-kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah bantahan yang telah dibuat oleh Pembantah terhadap pendaftaran pemilih semasa pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan Suku Tahun Ketiga Tahun 2016 (ST 3/2016) adalah sebanyak 5,598 bantahan. Manakala jumlah bantahan yang telah dibuat oleh Pembantah terhadap pendaftaran pemilih semasa pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan Suku Tahun Keempat Tahun 2016 (ST 4/2016) masih belum boleh disahkan atau diwartakan oleh SPR.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 21 MAC 2017
[SELASA]**

**DARIPADA : YB. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

SOALAN :-

YB. Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan dalam meningkatkan pengurusan sistem saliran dan perparitan khususnya di negeri Perlis dan adakah hasil kajian Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia mengenai sistem perparitan negara ini mempunyai pelan secara menyeluruh bagi mengelakkan berlakunya seperti banjir kilat di kawasan bandar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), di bawah Projek Pembangunan Di Kawasan PBT (BP.1) menyediakan peruntukan pada setiap tahun bagi membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menaik taraf sistem peparitan.

Pada tahun 2015, sejumlah RM178,000.00 telah diperuntukkan untuk menaiktaraf longkang di Taman Singgahsana, Padang Besar, Kangar, Perlis. Bagi tahun 2017 pula, sebanyak RM105,000.00 akan diperuntukkan untuk menaik taraf longkang dan laluan pejalan kaki di Arked Niaga Padang Besar, Kangar, Perlis dan sebanyak RM60,000.00 untuk menaiktaraf longkang di bahagian belakang kawasan Gapura Square, Padang Besar, Kangar, Perlis.

Selain itu, KPKT juga menyarankan agar semua PBT di seluruh Negara untuk melaksanakan beberapa langkah bagi menghadapi sebarang

kemungkinan yang boleh mengakibatkan kejadian banjir kilat seperti yang berikut:

- i. Mengenal pasti kawasan berisiko iaitu parit, longkang, pembedung dan kolam takungan yang boleh menyebabkan kejadian banjir;
- ii. Melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan parit, longkang dan kolam takungan bagi melancarkan aliran air dengan tindakan seperti:
 - Membuang kekotoran atau longgokkan sampah dalam parit atau *sump*;
 - Memotong rumput di sepanjang sistem perparitan yang menyekat laluan air; dan
 - Memperbaiki sistem perparitan, longkang dan pembedung yang rosak atau menaik taraf parit yang berisipadu rendah.
- iii. Memantau dan memastikan pemaju projek pembangunan supaya sentiasa menyelenggara parit, longkang, pembedung dan kolam takungan serta menjaga kebersihan kawasan pembangunan; dan

- iv. Mewujudkan jaringan kerjasama dengan jabatan/agensi teknikal yang berkaitan seperti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pejabat Daerah dalam menangani isu berkaitan banjir.

Selain itu, JPS telah melaksanakan “Kajian Komprehensif Penyelesaian Jangka Panjang Dalam Memerangi Banjir Kilat Perbandaran” di seluruh negara dengan menggariskan pelan tindakan dan anggaran keperluan kos penyelesaiannya pada tahun 2013. Terdapat 2 zon banjir kilat yang telah dianalisis untuk seluruh negeri Perlis iaitu di Bandar Kangar dan di Bandar Padang Besar. Kedua-dua bandar ini dikenalpasti sebagai kawasan perbandaran yang sering mengalami banjir kilat secara berulang-ulang, berprofil tinggi dan kritikal untuk diatasi. Kos penyelesaian jangka panjang bagi 2 zon tersebut adalah sebanyak RM888.00 juta yang merangkumi Kerja-Kerja Menaiktaraf Empangan Timah Tasoh, Menaiktaraf Sistem Saliran Beseri ke Sungai Santan, Pembinaan Lencongan Banjir Timur dan Pembinaan Lencongan Banjir Barat.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017

NO. SOALAN: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ
[PASIR MAS]**

TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini tindakan kerajaan bagi mengatasi masalah pertembungan industri teksi dan perkhidmatan GrabCar, Uber di negara ini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Satu makmal khusus telah dilaksanakan bagi mengenal pasti isu-isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pemain industri teksi. Makmal berkenaan telah melibatkan semua *stakeholders* yang berkenaan, termasuk pemandu teksi sendiri, agensi-agensi Kerajaan, syarikat-syarikat teksi dan badan-badan bukan Kerajaan (NGO).
2. Hasil daripada makmal berkenaan telah melahirkan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) yang menyenaraikan 11 inisiatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi dan pada masa yang sama memberi fokus yang khusus terhadap keperluan dan kebajikan pemandu teksi.
3. Antara inisiatif tersebut ialah untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing*, iaitu aktiviti tempahan perkhidmatan teksi atas talian melalui aplikasi pintar/mudah alih seperti UBER dan Grabcar sebagai perkhidmatan perantara di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Bagi tujuan ini, pindaan kepada undang-undang sedia ada akan dibentangkan di Parlimen pada mesyuarat pertama tahun ini.
4. Langkah kawal selia ini adalah untuk memastikan penggunaan teknologi membawa kesan yang positif bukan sahaja pemandu teksi, pemandu *e-hailing* dan penumpang, malah memberi ruang kepada

usahawan tempatan yang berminat untuk menerokai peluang dalam industri ini melalui pembangunan sistem aplikasi tempatan.

5. Pada masa yang sama, satu rangka polisi baru telah disediakan bagi memastikan pengendali perkhidmatan berkenaan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan memberi manfaat kepada pengguna dan juga pemandu. Ia juga bertujuan untuk memastikan penyelesaian yang adil dan saksama kepada semua pemain industri untuk bersaing secara lebih sihat.

6. Antaranya, penyedia perkhidmatan *e-hailing* akan diwajibkan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Selain itu, prosedur sama yang perlu dipatuhi oleh pemandu teksi juga terpakai kepada semua pemandu *e-hailing*, seperti keperluan untuk memiliki Kad Pemandu yang dikeluarkan oleh SPAD, pemeriksaan kenderaan serta proses saringan dan latihan yang akan ditetapkan. Melalui kaedah ini, kedua-dua perkhidmatan teksi konvensional dan juga *e-hailing* akan dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada orang awam.

7. Disamping itu, pemandu-pemandu teksi sedia ada juga disarankan untuk memanfaatkan penggunaan teknologi dalam menyediakan perkhidmatan bagi memperbaiki mutu perkhidmatan dan bersaing dengan pemberi perkhidmatan *e-hailing* yang lain.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN KHALID BIN ABD.
SAMAD [SHAH ALAM]**

TARIKH : 21 MAC 2017

SOALAN :

**YB Tuan Khalid Bin Abd. Samad [Shah Alam] minta PERDANA
MENTERI menyatakan tindakan Kerajaan ke arah menuntut kembali harta
1MDB yang telah dirampas dan disita seperti yang dilakukan Kerajaan
Amerika Syarikat.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia sedia maklum bahawa pihak Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat telah memulakan suatu tindakan sivil di mahkamah Amerika Syarikat dan Kerajaan Malaysia sedang memantau penjalanan serta perkembangan kes sivil tersebut. Oleh sebab prosiding sivil di mahkamah Amerika Syarikat masih belum selesai, Kerajaan Malaysia tidak akan membuat apa-apa andaian atau rumusan mengenai kes tersebut. Apa-apa keputusan akan dibuat dengan adil, tidak memihak kepada sesiapa dan berlandaskan teras integriti bagi memastikan semua pihak yang terlibat memperoleh keadilan dengan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
[SEKIJANG]**

TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)

Tuan Anuar Bin Abd. Manap [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pembelian ladang PT Eagle High Plantation Tbk (EHP) Indonesia oleh Felda mampu memberi perkembangan positif kepada Felda dan apakah jangkaan unjuran prestasi Felda jika pembelian ini dimuktamadkan kelak.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan pembelian pegangan 37% ekuiti dengan *Put Option* di dalam PT Eagle High Plantation Tbk (PT EHP) merupakan inisiatif Kerajaan bagi memperkukuhkan industri sawit negara dan FELDA merupakan platform bagi Kerajaan untuk melaksanakan pembelian ini memandangkan FELDA mempunyai kepakaran luas mengenai industri kelapa sawit di Malaysia. Pembelian ini dilaksanakan oleh salah sebuah syarikat subsidiari milik penuh FELDA, iaitu FIC Properties Sdn Bhd (FICP).

Faktor utama yang mempengaruhi keputusan FICP untuk melaksanakan pembelian ini adalah kerana ia selari dengan matlamat pelaburan jangka panjang FELDA untuk muncul sebagai pemain utama dan terbesar di dalam sektor minyak sawit global.

Selain itu, pelaburan ini juga dilihat akan memberi manfaat kepada kepentingan Malaysia, terutamanya dalam menyokong usaha strategik Malaysia - Indonesia berkaitan penubuhan dan pengukuhan pelaksanaan Piagam Penubuhan Majlis Minyak Negara-negara Pengeluar Minyak Kelapa Sawit (CPOPC) antara kedua-dua buah negara. Malaysia dan Indonesia telah menandatangani CPOPC pada bulan November 2015 yang bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama dalam kalangan negara-negara pengeluar minyak kelapa sawit serta menangani isu-isu berkaitan minyak kelapa sawit.

Dengan pemeteraian CPOPC tersebut, FELDA yang merupakan agensi kerajaan yang terlibat dalam sektor kelapa sawit telah diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia untuk mewujudkan hubungan perniagaan dengan kumpulan Rajawali di Indonesia bagi memacu agenda CPOPC.

Cadangan pelaburan FICP dalam EHP ini memainkan peranan penting dalam menyokong penubuhan CPOPC dan pelaburan tersebut adalah demi kepentingan Malaysia (*best interest of Malaysia*). Faedah pelaksanaan CPOPC kepada Malaysia adalah seperti berikut.

- i) Meningkatkan imej positif minyak sawit; dan
- ii) Menjadi satu platform kepada negara-negara penanam sawit bagi bekerjasama menangani isu-isu halangan perdagangan minyak sawit dan pembangunan industri sawit secara mapan.

Di samping itu, langkah strategik ini dapat memberi peluang kepada FELDA untuk mendapat akses kepada tanah di Indonesia di mana EHP memiliki kira-kira 320,000 hektar tanah termasuk 125,000 hektar yang sudah di tanam. Ini juga merupakan peluang terakhir bagi FICP dan Malaysia atau mana-mana pihak asing untuk membeli syarikat Indonesia yang mempunyai bank tanah yang luas.

Selain itu, pelaburan tersebut juga membolehkan FELDA menembusi pasaran domestik Indonesia yang mempunyai 260 juta penduduk di mana melalui pembelian pegangan ekuiti ini, Kumpulan FELDA mempunyai potensi perniagaan baru dan sinergi dalam bidang semaian, baja, urus niaga minyak sawit mentah dan lain-lain aktiviti hiliran.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN N SURENDRAN A/L K NAGARAJAN

TARIKH : 21 MAC 2017

RUJUKAN : 9655

PERTANYAAN:

Tuan N Surendran A/L K Nagarajan [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa Azri bin Mohamed (seorang tahanan reman yang meninggal dunia pada 14.9.2016 di penjara Pengkalan Chepa) mati disebabkan jangkitan 'shigella' walaupun ia adalah penyakit yang mudah dirawat dengan antibiotik.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesihatan banduan sentiasa diberikan keutamaan dan tindakan segera untuk memberikan rawatan serta rawatan lanjutan akan diambil sekiranya didapati banduan sakit atau mengadu sakit.

Banduan Azri bin Mohamed telah diperiksa beberapa kali dan diberikan pemeriksaan kesihatan semasa kemasukan, pemeriksaan dan rawatan kerana masalah sakit kaki, penempatan di *sick bay* atau wad di klinik penjara untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut kerana masalah sakit kaki, pemeriksaan kesihatan yang mendapati kesihatan beliau stabil dan dikeluarkan dari *sick bay* klinik penjara pada 3 Ogos 2016 serta pemeriksaan dan diikuti rawatan lanjut di hospital.

Banduan berkenaan juga tidak mengadu mengalami apa-apa masalah kesihatan Selepas dikeluarkan dari *sick bay* sehingga 14 Ogos 2016. Malah pemerhatian yang dibuat semasa perjumpaan bersama keluarga pada 10 Ogos 2016 didapati banduan boleh berjalan secara normal.

Banduan hanya mengadu sakit dan sesak nafas pada jam 3.07 petang, 15 Ogos 2016 dan terus dibawa ke klinik penjara untuk pemeriksaan. Pegawai Perubatan penjara yang membuat pemeriksaan telah

mengesyorkan banduan dibawa ke Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut.

Pengurusan Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan telah mengambil tindakan sewajarnya secara berterusan untuk memastikan banduan tersebut menjalani pemeriksaan dan rawatan terhadap tahap kesihatannya.

Banduan disahkan meninggal dunia di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu pada 14 September 2016. Bedah siasat pertama yang dilaksanakan pada 15 September 2016 di hospital yang sama mendapati punca kematian adalah disebabkan jangkitan kuman secara menyeluruh hingga mengakibatkan kegagalan pelbagai organ. Koroner memaklumkan tiada unsur jenayah.

Memandangkan ahli keluarganya tidak berpuas hati dengan hasil bedah siasat tersebut, permohonan bedah siasat kedua telah dibuat dan dibenarkan oleh Mahkamah.

Seterusnya, bedah siasat kedua yang dilaksanakan di Hospital Kuala Lumpur pada 30 September 2016 mendapati punca kematian adalah disebabkan jangkitan kuman, konsisten dengan perakuan kematian yang dikeluarkan oleh Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu. Urusan pengkebumian jenazah banduan tersebut telah diuruskan oleh ahli keluarganya di Ketereh, Kelantan pada 1 Oktober 2016.

Pada 4 Oktober 2016, Jabatan Penjara telah menerima surat daripada Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu yang memaklumkan permohonan untuk mendapatkan laporan *post-mortem* memerlukan kebenaran keluarga si mati. Jabatan Penjara telah menghubungi adik kandung kepada si mati namun tidak mendapat kebenaran.

NO. SOALAN: 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. CHE ROSI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

Dr. Che Rosi bin Che Mat [Hulu Langat] minta PERDANA MENTERI menyatakan sambutan orang ramai kepada penggunaan Pengangkutan Awam MRT selepas dilancarkan oleh Perdana Menteri sewaktu diberi tambang percuma dan selepas dikenakan bayaran tambang sehingga akhir Februari lepas.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan MRT mula diperkenalkan pada 16 Disember 2016 bagi sektor Sungai Buloh - Semantan. Operasi ini telah diperkenalkan secara percuma selama sebulan kepada orang ramai iaitu sehingga 16 Januari 2017.
2. Jumlah penumpang Perkhidmatan MRT bagi tempoh yang telah direkodkan dari 16 Disember 2016 hingga 16 Januari 2017 adalah seramai 1,207,746 orang, menjadikan purata penumpang harian sebanyak 37,742 orang.
3. Manakala dari 17 Januari 2017 hingga 9 Mac 2017, jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan MRT ini adalah seramai 670,839 orang.
4. Statistik menunjukkan jumlah penumpang MRT bermula 17 Januari 2017 adalah rendah berbanding ketika ia mula-mula dilancarkan dan ditawarkan secara percuma. Senario ini dipengerahui beberapa faktor, antaranya perkhidmatan ini dilancarkan ketika musim cuti sekolah, di mana ramai penumpang yang ingin mencuba dan memperoleh pengalaman menaiki MRT mempunyai banyak masa. Pada masa yang sama, penumpang-penumpang ini tidak terhad kepada penduduk tempatan di sekitar stesen-stesen MRT sahaja tetapi juga kepada pelancong-pelancong dari kawasan luar.

5. Oleh itu, kita optimis bahawa bilangan penumpang MRT akan bertambah apabila ia mula beroperasi sepenuhnya di kesemua stesen di sepanjang jajaran MRT yang dijadual pada pertengahan tahun 2017. Hal ini kerana:

- (i) Laluan yang dibuka kini hanyalah untuk operasi Fasa Pertama iaitu dari Sungai Buloh ke Semantan sejauh 21km daripada jumlah keseluruhan 51km dan merangkumi hanya 12 stesen daripada jumlah keseluruhan 31 stesen;
- (ii) Laluan Fasa Pertama ini masih tidak lengkap dan tidak meliputi kawasan tumpuan *Central Business District*;
- (iii) Laluan Fasa Pertama ini juga masih tiada kesalinghubungan (*connectivity*) dengan mod pengangkutan yang lain seperti LRT, Monorel dan KTM Komuter. Untuk makluman, pada masa ini perkhidmatan MRT hanya disokong oleh bas pengantara di sekitar radius 5km dari setiap stesen, termasuk dari Stesen Semantan di Pusat Bandar Damansara ke KL Sentral; dan
- (iv) Di permulaan stesen di Sungai Buloh iaitu stesen Kwasa Sentral dan Kwasa Damansara), kepadatan penduduk belum lagi mencapai tahap kepadatan seperti di Fasa Kedua iaitu di Cheras dan Kajang kerana masih dalam fasa pembinaan/pembangunan.

6. Apabila ia beroperasi sepenuhnya sejauh 51km melalui 31 stesen kelak, MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang ini akan mula

berintegrasi dengan mod pengangkutan yang lain di stesen-stesen berikut:

- (i) KL Sentral (LRT Laluan Kelana Jaya, Monorel, KTM Komuter dan KLIA Ekspres / Transit);
- (ii) Pasar Seni akan berintegrasi dengan LRT Laluan Kelana Jaya dan KTM Komuter;
- (iii) Maluri akan berintegrasi dengan LRT Laluan Sri Petaling;dan
- (iv) Kajang akan berintegrasi dengan KTM Komuter;

7. Selain itu, fasa kedua nanti juga akan meliputi kawasan-kawasan tumpuan di pusat bandar seperti Bukit Bintang, KL Sentral dan Bangsar serta kawasan yang mempunyai populasi berkepadatan yang tinggi di Cheras dan Kajang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]**

TARIKH : 21 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada pihak Kementerian telah memberikan bantuan kepada pihak berkuasa negara Singapura, United Kingdom, Australia, Hong Kong, dan Switzerland mengenai siasatan negara-negara tersebut atas 1MDB. Sekiranya ada, perincian butir-butir bantuan ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dan bersedia untuk memberikan apa-apa bentuk bantuan kepada mana-mana negara asing, sekiranya diperlukan, selaras dan tertakluk kepada peruntukan undang-undang negara yang berkaitan, khususnya peruntukan undang-undang yang terkandung dalam Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN : 55

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dapatan sebarang kajian kos faedah bagi projek membina sebuah bandar pelabuhan dan industri di Pulau Carey yang dikatakan bernilai RM200 billion demi memastikan limpahan ekonomi kepada Pelabuhan Klang dan kawasan sekitar di samping pulangan positif bagi masyarakat setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelabuhan Klang yang merangkumi dua terminal iaitu Pelabuhan Barat dan Utara yang mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dengan mencatatkan kadar pertumbuhan purata di paras 8-10% dalam tempoh 10 tahun ini. Pada tahun 2016, Pelabuhan Klang mencatatkan kendalian kontena sebanyak 13.2 juta TEUs (*twenty-foot equivalent unit*) berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak 11.8 juta TEUs. Ini menjadikan Pelabuhan Klang diiktiraf sebagai pelabuhan ke-12 paling sibuk di dunia.

Dalam usaha menggiatkan pembangunan masa hadapan Pelabuhan Klang, Kerajaan telah menjalankan Kajian Pelan Induk Pembangunan Pelabuhan Klang (*Port Klang Development Master Plan Study*) 2010-2030. Kapasiti pengendalian kontena di Pelabuhan Klang ketika ini adalah sebanyak 16.2 juta TEUs.

Berdasarkan kajian tersebut, Pelabuhan Klang akan mencapai tahap keupayaan kendalian kontena yang maksimum menjelang tahun 2025. Kajian tersebut mengesyorkan supaya perancangan rapi perlu dilaksanakan oleh Kerajaan dalam meningkatkan kapasiti pengendalian kontena di Pelabuhan Klang bagi membolehkan Pelabuhan Klang kekal berdaya saing dengan pelabuhan serantau yang lain khususnya Pelabuhan Singapura.

Sehubungan itu, cadangan untuk mewujudkan sebuah pelabuhan di Pulau Carey masih di peringkat penggubalan dasar Kementerian.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik
Mohamad [Pasir Puteh]**

TARIKH : 21 Mac 2017 (SELASA)

**SOALAN : (Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad)
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

Pencapaian hasil tanaman padi dan pengurusan bekalan air ke Jelapang Padi di kawasan KADA Kelantan, bagaimanakah kedudukan pembinaan empangan rendah terkini di negeri Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pencapaian hasil padi di negeri Kelantan boleh dipertingkatkan lagi daripada purata hasil 4.67 tan/ha pada tahun 2016 kepada angka yang lebih tinggi melalui usaha yang dilaksanakan seperti penggunaan *Rice Check*. *Rice Check* merupakan panduan kepada petani dalam melaksanakan tanaman padi, pengamalan rekod ladang dalam pemantauan pelaksanaan kerja, pengurusan ladang secara berpusat sepertimana yang telah dilaksanakan di projek berskala besar iaitu Projek Ladang Merdeka dan juga Projek NKEA Padi.

Dalam pada itu juga, pihak KADA telah melaksanakan usaha ke arah mempertingkatkan kecekapan bekalan air ke sawah padi iaitu melalui pembinaan struktur seperti *Sheet Pile* merentasi Sungai Kelantan di Kuala Kemubu, pembinaan *Low Weir* (Empangan Rendah) merentasi Sungai Kelantan di Kampung Kasa Pasir Mas serta projek terkini ialah pembinaan Pam Skru di Kemubu Kelantan. Projek tersebut boleh meningkatkan keupayaan sedutan air oleh Pam utama.

Empangan Rendah yang dibina merentasi Sungai Kelantan di Kampung Kasa Pasir Mas telah bermula pada 9 September 2013 dan dijangka akan siap sepenuhnya pada Mei 2017. Empangan rendah ini berfungsi untuk menambahbaik pengurusan bekalan air ke kawasan pengendalian KADA iaitu di Jajahan Tumpat dan Pasir Mas.

Dengan adanya empangan ini, paras air di Rumah Pam Kasar dan Lemal dapat dikawal khususnya pada musim kemarau untuk membolehkan pam beroperasi.

SOALAN NO: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 21 MAC 2017

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kedudukan TPPA dalam isu pekerja setelah Amerika Syarikat menarik diri dari menganggotai badan tersebut.

PR-1351-L01302

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk mematuhi obligasi di bawah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), Kementerian Sumber Manusia (KSM) terpaksa meminda sembilan (9) akta perburuhan di bawah bidang kuasa Jabatan dan Agensi di bawahnya.
2. Walaupun Amerika Syarikat menarik diri daripada TPPA, KSM akan meneruskan pindaan ke atas 9 akta perburuhan berkaitan.
3. KSM berpendapat pindaan sedemikian perlu dibuat untuk meningkatkan standard perburuhan di Malaysia supaya selari dengan konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), dan memastikan undang-undang tersebut bertepatan dengan keperluan dan perkembangan semasa. Walau bagaimanapun, KSM akan mengkaji semula beberapa peruntukan yang bersifat *contentious* di kalangan majikan dan kesatuan sekerja sebelum melaksanakan pindaan ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK AGO ANAK
DAGANG @ AARON [KANOWIT]**

TARIKH : 21 MAC 2017

SOALAN :

**YB Datuk Ago Anak Dagang @ Aaron [Kanowit] minta PERDANA
MENTERI menyatakan status pelaksanaan program pinjaman perumahan
untuk penduduk rumah panjang di Sarawak yang telah diperuntukkan
sebanyak RM 50 juta dalam Bajet 2016.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan secara geran kepada Kerajaan Negeri Sarawak sebanyak RM50 juta pada tahun 2016 bagi tujuan membina dan membaik pulih rumah panjang di Negeri Sarawak.

Dalam hal ini, Kementerian Perumahan dan Urbanisasi Sarawak melalui *Housing Development Corporation* (HDC) Sarawak selaku agensi pelaksana telah menyediakan pinjaman dengan had maksimum sebanyak RM50,000 bagi satu pintu dalam unit rumah panjang. Bagi tahun 2016 sahaja, sebanyak 1,858 pintu rumah panjang telah diluluskan di bawah skim pinjaman ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)**

**TARIKH : 21 MAC 2017
(SELASA)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :

- (a) Tentang kedudukan perhubungan di antara negara Malaysia dengan negara China dalam sektor pertahanan dan sektor industri dan nyatakan jenis persetujuan yang telah dicapai oleh kedua-dua negara dalam mempertahankan keamanan rantau ini; dan
- (b) Senaraikan industri-industri yang telah diceburi oleh negara China kebelakangan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bersempena dengan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC), *MoU on Cooperation in the Field of Science, Technology and Industry for National Defence* telah ditandatangani pada tahun 2014. MoU tersebut dimeterai bagi mengukuhkan hubungan persahabatan antara Malaysia dan RRC serta mempromosikan industri dan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi pertahanan.

Kedua-dua negara telah memperbaharui hubungan pertahanan formal dengan menandatangani *Memorandum of Understanding between the Government of Malaysia and the Government of the People's Republic of China on Bilateral Defence Cooperation* pada 1 November 2016 (MoU 2016). Selain itu, program dan aktiviti pertahanan turut ditingkatkan melalui platform pelbagai hala melalui interaksi dan aktiviti di bawah Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN-Plus (ADMM-Plus) serta penglibatan dalam forum pelbagai hala di peringkat antarabangsa.

NO. SOALAN: 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD

TARIKH : 21 MAC 2017

RUJUKAN : 9799

SOALAN:

**Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan jumlah pekerja dari negara China yang
berada di Malaysia dan projeksi masa depan.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seramai 29,616 pekerja warganegara Republik Rakyat China yang berada di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, seramai 11,563 adalah pemegang Pas Penggajian manakala seramai 18,053 adalah pemegang Pas Lawatan Ikhtisas (Pakar). Kemasukan pekerja dari China adalah bergantung kepada keperluan semasa bagi industri berkaitan dan tiada projeksi khusus yang ditetapkan pada masa ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 21 MAC 2017
[SELASA]**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

SOALAN :-

YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kementerian melaksanakan penelitian yang mendalam dalam pemberian kontrak konsesi bagi pembinaan ECRL termasuk melibatkan prestasi syarikat yang diberikan tender pembinaan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *East Coast Rail Link* (ECRL) merupakan projek infrastruktur yang penting bagi Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang akan menghubungkan Pantai Timur dan Lembah Klang. Pelaksanaan ECRL akan menjadi pemangkin transformasi untuk negeri-negeri pantai Timur di Semenanjung dan bakal merangsangkan lagi pertumbuhan sosio ekonomi, serta memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Projek ini bukanlah sesuatu yang baharu, malah ianya telah mula dibincangkan di pelbagai peringkat sejak 1981 lagi. Sejak cadangan asalnya, perancangan menyeluruh, pelan kewangan, kaji selidik pasaran dan kajian sudah dilaksanakan. Kajian kebolehlaksanaan telah dilakukan sejak 2007 dan kaji selidik pasaran melalui Permintaan Maklumat (*Request of Information* - RFI) telah dilaksanakan dari Mac sehingga Jun 2016. Menerusi RFI, Kerajaan telah menerima respon daripada 27 kumpulan dari 5 negara yang berbeza termasuk Korea, China, Australia, Amerika Syarikat dan Eropah yang berminat untuk

melaksanakan projek ini. Melalui kajian ini, spesifikasi teknikal termasuklah indikatif terhadap kos telah ditentukan.

Justeru, semasa lawatan rasmi delegasi Malaysia ke Republik Rakyat China (RRC) pada hujung Oktober 2016, beberapa perkara telah dibincangkan bagi meningkatkan pelaburan dan juga kerjasama bilateral berterusan dengan Kerajaan China. Dalam rundingan itu, kedua-dua Kerajaan telah mencapai kata sepakat supaya projek ECRL ini dilaksanakan sebagai inisiatif projek *Government-to-Government* (G2G) antara Kerajaan China dan Malaysia.

Selain itu dan mustahak untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan China turut mengemukakan tawaran pakej kewangan yang menarik dan memberi kelebihan kepada Malaysia. Bagi membolehkan Malaysia mendapat terma kewangan yang terbaik ini, dalam rundingan G2G berkenaan, syarikat pembinaan terbesar milik Negara China iaitu China Communications Construction Company (CCCC) telah dinominasi oleh Kerajaan negara China untuk melaksanakan projek ECRL dengan kos RM55 bilion.

CCCC adalah syarikat rekacipta dan pembinaan terbesar di China dan majoriti sahamnya dimiliki dan dikawal oleh Kerajaan China. CCCC juga mempunyai rekod yang baik dalam projek-projek pembinaan besar termasuk di Malaysia. Dengan komitmen dan prestasi syarikat berkenaan membrasangkan, bukan sahaja di Malaysia, Kerajaan yakin syarikat ini boleh memberikan hasil yang terbaik dan menyiapkan projek ECRL dalam tempoh yang bersesuaian dengan skala projek tersebut.

Sekian, terima kasih.

21 Mac 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW
(SIBU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.03.2017

Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan apabila harga runcit minyak mencatat RM3 seliter. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk memulakan subsidi minyak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penentuan harga runcit petrol dan diesel di Malaysia adalah berdasarkan mekanisme pengapungan harga terkawal (*managed float*). Kerajaan telah melaksanakan mekanisme ini sejak 1 Disember 2014 di mana harga runcit petrol RON 95 dan diesel dipengaruhi oleh purata harga minyak mentah dunia pada bulan sebelumnya. Oleh itu,

secara amnya, harga runcit RON95 dan diesel di pam akan berubah pada setiap bulan bergantung kepada turun naik harga minyak mentah di pasaran dunia.

Pelaksanaan mekanisme pengapungan terkawal ini adalah salah satu langkah rasionalisasi subsidi Kerajaan bagi menstruktur semula dan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal kepada subsidi yang lebih bersasar. Di bawah prinsip ini, pemberian subsidi tetap diteruskan tetapi disasarkan secara terus hanya kepada golongan berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukan.

Selain itu, pelaksanaan langkah rasionalisasi subsidi ini adalah bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan negara serta menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang lebih cekap. Ketirisan perbelanjaan Kerajaan juga dapat dikurangkan khususnya melalui pengurangan kegiatan penyeludupan dan penyelewengan serta penggunaan barangan bersubsidi oleh warga asing.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, harga minyak mentah dunia berada pada paras antaraUSD50 hingga USD55 setong dan diunjurkan kekal rendah bagi tempoh beberapa tahun ke hadapan. Hal ini berikutan lebih bekalan minyak mentah berbanding permintaan di pasaran antarabangsa dan aktiviti ekonomi global yang dijangka kekal perlahan. Untuk makluman, harga runcit minyak mampu mencapai RM3 seliter hanya apabila harga minyak mentah berada pada paras kira-kira USD80 setong.

Tuan Yang Di-Pertua,

Penjimatan yang diperoleh pada tahun 2015 melalui rasionalisasi subsidi bahan api iaitu dengan pelaksanaan mekanisme pengapungan terkawal tersebut adalah berjumlah kira-kira RM16 bilion. Sebahagian daripada penjimatan ini disalurkan semula secara terus kepada kumpulan sasar dalam bentuk bantuan tunai seperti BR1M dan bantuan persekolahan, manakala sebahagian lagi digunakan untuk membiayai program dan projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat. Ini termasuk menyediakan peruntukan untuk perkhidmatan pendidikan dan kesihatan, pembangunan masyarakat di bandar dan luar bandar serta menambah baik sistem pengangkutan awam.

Kerajaan tetap komited dengan langkah konsolidasi fiskal dan tidak bercadang untuk kembali kepada mekanisme pengagihan subsidi secara pukal yang tidak cekap dan membawa banyak ketirisan. Pada masa yang sama, Kerajaan akan memastikan bahawa mekanisme pemberian subsidi adalah lebih bersasar kepada golongan yang memerlukan terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN : 63

Dato' Haji Mahfuz Bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimana perkiraan pembayaran yang dipersetujui antara Kerajaan dengan Lembaga Tabung Angkatan Tentera berkaitan pengendalian Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kaedah pembayaran yang dipersetujui antara pihak kerajaan dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) berkaitan pengendalian Automated Enforcement System (AES) atau nama barunya Automated Awareness System (AwAS) sedang dalam peringkat akhir perbincangan, memandangkan masih terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi dari sudut kandungan kontrak, perubahan terma serta pandangan daripada Kementerian Kewangan.

Secara dasarnya, kaedah pembayaran akan terbahagi kepada dua iaitu fi tetap dan fi boleh ubah. Bagi kadar bayaran fi tetap, MOT dan LTAT telah bersetuju supaya bayaran adalah mengikut jumlah pemasangan kamera sehingga April 2018. Manakala bagi pembayaran fi boleh ubah, adalah selaras dengan keputusan yang dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 November 2016, iaitu pembayaran fi boleh ubah adalah berdasarkan jumlah saman sah yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 21.03.2017 (SELASA)

SOALAN : 64

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam memerangi rasuah pilihan raya dan mencegah pembelian undi dalam menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Skop aktiviti pencegahan rasuah adalah luas dan menyeluruh serta meliputi pencegahan semua jenis kesalahan yang diperuntukan di bawah Akta SPRM 2009, serta merangkumi pelbagai bidang terutamanya yang berisiko tinggi.

Usaha memerangi rasuah pilihan raya dan mencegah pembelian undi dalam menghadapi Pilihan Raya Umum bukanlah tanggungjawab SPRM semata-mata. Walaupun SPRM diberi kuasa menyiasat dibawah kesalahan seksyen 7, 8, 9, 10 dan 11 Bahagian III Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 (Akta 5) yang disenaraikan sebagai kesalahan yang ditetapkan di bawah seksyen 3 Akta SPRM 2009, namun peranan yang lebih besar terletak pada pihak PDRM yang mempunyai kuasa menyiasat semua kesalahan di bawah Akta 5.

Walaubagaimanapun, bagi tujuan pemantauan dan menerima maklumat kesalahan mengenai perbuatan rasuah berkaitan pilihan raya, SPRM ada membuka bilik gerakan yang beroperasi 24 jam sehari di seluruh Malaysia semasa proses pilihanraya umum. Namun demikian, SPRM hanya boleh bertindak menyiasat kesalahan rasuah di bawah Bahagian III Akta 5, jika terdapat maklumat yang mempunyai asas kesalahan rasuah sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta SPRM 2009.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

TARIKH : 21 MAC 2016

RUJUKAN : 9656

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada dan langkah yang dicadangkan untuk menyelesaikan masalah kewarganegaraan bagi anak-anak kelahiran tempatan tanpa dokumentasi atau oleh ibu warganegara asing supaya mereka boleh memperolehi kewarganegaraan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan peruntukan undang-undang yang mewajibkan pendaftaran bagi semua kelahiran di Malaysia, mana-mana individu yang dilahirkan di Malaysia tetapi tidak mempunyai dokumen kelahiran, ibu atau bapa atau penjaga kepada kanak-kanak perlulah tampil ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi mendaftarkan kelahiran tersebut.

Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) ingin menegaskan bahawa kelahiran di negara ini tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Status kewarganegaraan ialah anugerah tertinggi yang telah diperuntukkan dengan jelas di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira dan diteliti dalam menentukan status kewarganegaraan seseorang individu seperti tarikh dan tempat kelahiran, taraf kewarganegaraan serta status perkahwinan ibu dan bapa individu tersebut. Bagi kelahiran yang berlaku tanpa perkahwinan, maka penentuan kewarganegaraan kanak-kanak adalah berdasarkan kepada kewarganegaraan ibunya sahaja, seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 17, Jadual Kedua, Bahagian III Perlembagaan Persekutuan:-

“Berhubung dengan seseorang anak tidak sah taraf, sebutan mengenai bapa orang itu atau mengenai ibu atau bapanya, atau mengenai seorang daripada ibu bapanya adalah, bagi maksud Bahagian III Perlembagaan ini, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai ibunya, dan dengan yang demikian itu seksyen 19 Jadual ini tidaklah terpakai bagi orang itu.”

Oleh itu, kanak-kanak yang dilahirkan oleh wanita warga asing tanpa perkahwinan, walaupun lelaki yang didakwa sebagai bapa kanak-kanak tersebut merupakan Warganegara Malaysia, maka kanak-kanak tersebut akan tetap didaftarkan sebagai Bukan Warganegara. Justeru, menjadi tanggungjawab kedua-dua ibu bapa kanak-kanak tersebut untuk menguruskan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal ibu kanak-kanak berkenaan melalui kedutaan negara masing-masing.

NO. SOALAN: 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO

TARIKH : 21 MAC 2017

RUJUKAN : 9657

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan orang yang telah mati dalam tahanan polis sejak 2010 (dari tahun ke tahun) dan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak polis untuk memastikan keselamatan tahanan-tahanan yang berada dalam tahanan polis.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam mengelakkan kejadian kematian dalam tahanan polis atau agensi penguatkuasa yang lain. Kementerian tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan akan disiasat dan tindakan sewajarnya akan diambil sama ada dari sudut tatatertib atau mencadangkan kepada pihak Pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.

Statistik jumlah kematian dalam lokap polis di seluruh negara dari tahun 2010 hingga 2016 mengikut sebab kematian adalah seperti berikut:

BIL	PUNCA KEMATIAN	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	JUMLAH
1	HIV				1	1			2
2	SAKIT ASMA						1		1
3	SAKIT JANTUNG	3	1	2	1	2	1	2	12
4	LAIN-LAIN PENYAKIT (USUS,HATI,KUNING,ULSER, PARU-PARU,KERONGKONG)	5	15	13	15	15	10	11	84
5	PENDARAHAN OTAK							1	1
6	GANTUNG DIRI	1	1	4	2	0	0	1	9
7	GADUH SESAMA OKT								0
8	DICEDERAKAN POLIS				1				1
	JUMLAH	9	17	19	20	18	12	15	110

Bagi mengatasi kes kematian dalam lokap, PDRM telah menyemak semula *Standard Operating Procedure (SOP)* sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baharu antaranya:

- (i) memastikan borang pengesahan penyakit/kecederaan diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri;**
- (ii) orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit dan berisiko tinggi hendaklah dengan seberapa yang boleh diasingkan daripada tahanan lain;**
- (iii) lawatan oleh SUHAKAM untuk menentukan SOP dipatuhi;**
- (iv) orang tahanan hendaklah seboleh mungkin diasingkan mengikut kategori penahanan sama ada tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan mabuk, penjenayah yang *habitual*, tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak;**
- (v) pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan daripada Kementerian Kesihatan; dan**
- (vi) menjadikan naziran lokap polis sebagai *Key Performance Indicator (KPI)* Kementerian Dalam**

Negeri mulai tahun 2017. Sehingga kini, 8 buah lokap polis telah dilawati oleh Pasukan Naziran.

Adalah diyakini dengan transformasi dan langkah-langkah drastik yang telah diperkenalkan ini, kes kematian dalam tahanan dapat ditangani dengan lebih telus dan diterima oleh semua pihak serta dapat mengurangkan kes kematian dalam tahanan.

SOALAN NO: 67

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Seri Haji Ahmad Husni Bin Mohamad Hanadzlah [Tambun]

TARIKH : 21 MAC 2017

SOALAN : Dato' Seri Haji Ahmad Husni Bin Mohamad Hanadzlah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan program-program pertanian moden dan jumlah Bajet 2017 diperuntukkan untuk permodenan Industri Pertanian.**

INPUT JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pertanian Moden sebagaimana yang dinyatakan dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN) adalah berteraskan 3 perkara iaitu i) teknologi dan mekanisasi ii) penyelidikan dan pembangunan dan iii) inovasi.

Sebanyak **RM76,636,691.00** telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) bagi tahun 2017. Pecahan peruntukan dan projek bagi setiap sektor adalah seperti berikut;

BIL.	SEKTOR	BILANGAN PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
1	Tanaman	2	19,500,000.00
2	Ternakan	4	8,730,000.00
3	Perikanan	3	2,700,000.00
4	Kajian	19	30,706,691.00
5	Automasi dan Mekanisasi	1	15,000,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		28	76,636,691.00

Di dalam RMKe-11, projek-projek ini akan dan telah dilaksanakan oleh pelbagai Bahagian, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mengikut sektor kepakaran masing-masing.

Tuan Yang Dipertua,

Antara Program Pemodenan sektor tanaman melibatkan Projek Pertanian Moden (PPM) dan Projek Pembangunan Kluster Buah-Buahan. PPM merupakan sebuah projek pertanian campuran berskala besar yang disasarkan untuk diurus secara komersil dengan menggunakan teknologi dan amalan pertanian terkini. PPM ini akan menjadi model projek berskala ekonomik dan moden yang boleh diwujudkan di negeri-negeri lain bagi menjana pertumbuhan ekonomi dalam sektor pertanian. Pelaksanaan projek ini juga merupakan salah satu usaha dalam meningkatkan pengeluaran bahan makanan negara serta menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan pelaburan.

Selain itu, Jabatan Pertanian (DOA) turut memberi keutamaan kepada Projek Pembangunan Kluster Buah-Buahan dalam pemodenan industri tanaman bagi tujuan untuk memulihkan kawasan buah-buahan sedia ada supaya menjadi lebih komersil di samping dapat mempertingkatkan pengeluaran dan produktiviti. Kluster-kluster yang telah dan sedang dilaksanakan adalah kluster durian, betik, manga harumanis, tembikai, rambutan dan pisang.

Bagi pemodenan industri penternakan, MOA melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengambil pendekatan utama dengan pembangunan Taman Kawasan Pengeluaran Ruminan (TKPR), pemodenan industri tenusu, pemodenan rumah sembelih dan penyelidikan teknologi terbaru. Antara aktiviti yang dilaksanakan untuk memodenkan projek di bawah Sektor Ternakan adalah menaiktaraf Pusat Perkhidmatan Industri Tenusu (PPIT) ke tahap *Good Veterinary Hygienic Practices (GVHP)*/ *Good Manufacturing Practices (GMP)* yang

merupakan inisiatif untuk memastikan aktiviti pengumpulan dan pemprosesan susu dapat dilaksanakan dengan mematuhi piawaian dalam pengeluaran produk tenusu yang berkualiti tinggi dan selamat dimakan.

Industri perikanan melalui Jabatan Perikanan (DOF) turut memberi tumpuan kepada pemodenan industri perikanan dengan memberi keutamaan pada projek Peningkatan Kemudahan Ladang Ternakan, Pembangunan Sumber Ikan Hiasan dan Tumbuhan Akuatik dan Pembangunan Industri Tuna. Antara teknologi baharu yang dibangunkan adalah di Pusat Ikan Hiasan Enggor, Perak, Pusat Ikan Hiasan Port Dickson, Negeri Sembilan dan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Glami Lemi di Negeri Sembilan. Contohnya propagasi karang dan pembenihan kuda laut dipindahkan kepada pengusaha melalui program inkubator.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tujuan meningkatkan inovasi dan penggunaan teknologi moden dalam Sektor Pertanian, peruntukan sebanyak RM30,706,691.00 telah disalurkan kepada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam pelbagai bidang. Antara kajian yang akan dilaksanakan adalah Kajian Peningkatan Hasil dan Kualiti Buah-Buahan Premium untuk Peningkatan Daya Saing, Peningkatan Skala Teknologi Sistem Pengenalan Digital Ruminan (RFID) untuk Pengkomersialan dan Pembangunan Baka Tenusu Terpilih *Jersey-Fresien* dan Baka Kacukannya yang Beradaptasi Kepada Persekitaran dan Makanan Tempatan

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 21.3.2017

SOALAN :

Tuan Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji kemudahan prasarana, peralatan dan perabot di sekolah yang sering dilanda banjir supaya ianya lebih mudah dipindahkan dan kalis air agar proses pembelajaran tidak terganggu akibat kemusnahan banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) telah merancang membuat perolehan perabot jenis *polypropylene* (plastik) berbanding perabot kayu atas faktor kekerapan kejadian banjir. Namun atas faktor keselamatan murid, penggunaan perabot jenis ini terutama kerusi plastik adalah tidak digalakkan kerana mudah pecah dan tidak stabil. Selain daripada itu, perolehan kerusi meja murid jenis kayu telah ditetapkan di bawah perolehan pusat sistem panel KPM yang sedang berkuatkuasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah lain yang telah dilaksanakan adalah dengan memindahkan kelas atau makmal yang berada di aras bawah ke aras yang lebih tinggi bagi mengelakkan berlakunya kerosakan berulang terhadap peralatan-peralatan bernilai tinggi seperti komputer, peralatan audio, muzik, dan sebagainya.

RJM62